AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 35 | RABU 29 OGOS, 1984. | 1404 رابو 2 ذوالحجة | PERCUMA

# PENDIDIKAN PENTING DALAM PEMBENTUKAN MASYARAKAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sekali lagi menegaskan peri mustahaknya tugas dan tanggungjawab kaum guru setelah Negara Brunei Darussalam mencapai semula tarafnya sebagai sebuah negara yang merdeka penuh berdaulat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia memandang serius terhadap sistem pendidikan kerana ianya memainkan peranan yang penting dalam pembentukan masyarakat yang sebahagian besarnya didukung dan digerakkan oleh kaum guru.

Bertitah di majlis Persantapan yang disembahkan oleh Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei sempena hari puja usia Baginda ke-38 tahun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa mengingatkan guru-guru pentingnya tugas dan tanggungjawab mereka dalam mendidik anak-anak bangsa untuk menjadi warganegara yang berguna di masa akan datang.

Di samping itu, titah Baginda, negara ini mempunyai hampir 47% penduduknya yang berumur lapan belas tahun ke bawah yang kebanyakannya berada di bangku sekolah di mana golongan muda ini sering menghadapi arus perubahan

Oleh: Muhaimin HM

dari segi ekonomi, sosial, politik dan persekitaran.

"Politik yang Beta maksudkan menurut petua orang-orang kuratu: Pertama politik sihat, kedua politik jahat ataupun politik yang kurang sihat, ketiga politik hanya pandai melihat dan keempat politik helah muslihat dan itu bukannya politik," tegas Baginda ketika bertitah di Dewan Persantapan Lapau pada malam Isnin lepas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah para pelajar ketika ini tidak pernah mengalami seperti penuntut-penuntut 30 dan 40 tahun yang lalu, oleh itu di sinilah letkanya tugas dan tanggungjawab kaum guru untuk menyampaikan pendidikan yang sempurna supaya generasi muda ini tidak hanyut oleh arus perubahan masa.

Baginda berasa yakin masa depan generasi negara ini bergantung kepada kesempurnaan pendidikan yang diterima sama ada secara formal mahu pun informal dengan menanamkan nilai-nilai ugama dan akhlak.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga gembira mengetahui lebih ramai guru-guru yang berminat meninggikan taraf akademik mereka dari tahun ke setahun, akan tetapi Baginda menasihatkan tujuan itu hendaklah diasaskan untuk faedah anak bangsa dan bukan semata-mata untuk mencapai kepentingan tertentu seperti kenaikan gaji atau jangan sampai menjejaskan tugas dan tanggungjawab utama guru sebagai pendidik bangsa.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Hadir sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan serta Ahli-ahli Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei. Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh Pg Johari bin Pengiran Haji Mohd Daud dan diikuti dengan sembah ucapan kesyukuran oleh Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mohd Suni bin Haji Idris.

Majlis malam itu diserikan dengan persembahan nasyid oleh ahli-ahli Persatuan Perangkap Kampong Burong Pingai Berakas. Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Haji Abdul Aziz. Di akhir majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan juga berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli PGGMB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di majlis itu. Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien; D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

## Kursus Pandu Puteri berakhir

GADONG. — Kursus Ketua Pandu Puteri seluruh negara telah berakhir baru-baru ini dengan satu upacara penutupan rasmi yang berlangsung di Dewan Besar Pusat Tingkatan Enam di sini.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna selaku Yang Dipertua Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, telah berkenan menyampaikan sijil kepada peserta-peserta kursus pada hari tersebut.

Antara acara yang diadakan di majlis itu ialah melafazkan ikrar persetiaan Pandu Puteri di hadapan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna. Yang Teramat Mulia itu juga telah berkenan menyempurnakan penyampaian lencana kepada para Pandu Puteri.

Seramai 135 orang ketua Pandu Puteri dari keempat-empat daerah di negara ini telah menyertai kursus tersebut. Ianya turut dikendalikan oleh Jurulatih Judith Emsley, yang mewakili Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Komanwel di London.

Selain dari sabda Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, juga berucap ialah Pesuruhjaya Negara Persatuan Pandu Puteri, Datin Hajjah Zahrah binti Haji Idris, dan Pengerusi Jawatankuasa Majlis Penutup Rasmi, Pengiran Hajjah Hairani PML Pengiran Muda Abdul Kahar.

Di akhir majlis itu, satu cenderamata telah disampaikan kepada Jurulatih Judith Emsley sebagai wakil Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Komanwel oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna. Ianya diikuti dengan persembahan cenderamata kepada Yang Teramat Mulia oleh Datin Hajjah Zahrah, dan cenderamata kepada Jurulatih Judith Emsley sendiri dari Datin Masni Haji Ali.

## Perjumpaan kedai Syarikat Kerjasama di Temburong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perjumpaan antara ahli-ahli Kedai-kedai Syarikat Kerjasama di Daerah Temburong dengan pegawai-pegawai dari Jabatan Kemajuan Kerjasama akan diadakan pada hari Ahad, 9 September depan.

Perjumpaan itu ialah bagi membincangkan mengenai hal-hal perbekalan barangan kepada Kedai-kedai Syarikat Kerjasama. Perjumpaan tersebut akan diadakan di Dewan Persidangan Pejabat Daerah Temburong mulai jam 9.30 pagi.

Oleh itu Kedai-kedai Syarikat Kerjasama di daerah tersebut yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Kerjasama adalah dikehendaki menghantar wakil mereka ke perjumpaan tersebut.

## Peperiksaan lisan BJCE/SRPB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Peperiksaan Brunei mengumumkan bahawa Ujian Lisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei (SRPB) dan Brunei Junior Certificate of Education (BJCE) 1984 akan bermula pada 3 Oktober hingga 11 Oktober 1984.

Peperiksaan Ujian Lisan bagi calon persendirian di Daerah Brunei-Muara akan diadakan di Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak.

Peperiksaan bertulis bagi calon persendirian Daerah Brunei-Muara, Pusat XE aliran Inggeris (BJCE) bertempat di Sekolah Persediaan Inggeris Mabohai seperti tahun lepas dan Pusat KM Aliran Melayu (SRPB) bertempat di Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak.

Oleh yang demikian calon-calon persendirian yang menduduki peperiksaan tersebut yang belum lagi menerima Jadual Waktu bagi Ujian Lisan adalah dinasihatkan supaya datang ke Lembaga Peperiksaan Brunei. Jadual Waktu bagi peperiksaan bertulis boleh didapati pada akhir bulan September 1984.

### MANISNYA IMAN

"APAKAH orang-orang yang melakukan kejahatan itu, menyangka bahawa Kami akan menjadikan mereka itu sama seperti orang-orang yang beriman dan orang-orang yang mengerjakan amal yang salih? Iaitu sama saja antara kehidupan dan kematian mereka? Amat buruk sekali apa yang mereka sangkakan itu". — Makna Ayat 21 Surah Al-Jathiah.

Pelita Brunei

29 OGOS, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## INGATAN KEPADA PENUNTUT SEBERANG LAUT

HARAPAN Negara kepada penuntut-penuntut yang dihantar belajar ke seberang laut adalah sangat tinggi. Apabila mereka tidak berjaya mencapai kelulusan pelajaran yang dikehendaki terutama sekali disebabkan oleh sebarang kecuaian dan seumpamanya maka sudah barang tentu mengecewakan semua pihak dalam kerajaan bahkan ibu bapa dan keluarga mereka.

Dalam hubungan inilah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan baru-baru ini yang mengingatkan semua penuntut kita di seberang laut tentang keazaman kerajaan untuk memberhentikan dermasiswa penuntut-penuntut yang lengah terhadap pelajaran mereka adalah sangat tepat bagi diambil ingatan oleh bukan sahaja penuntut-penuntut itu sendiri bahkan ibu bapa dan keluarga mereka. Ingatan itu adalah selaras dengan tanggungjawab kerajaan Baginda yang merancangkan penghantaran penuntut-penuntut seberang laut sebagai usaha bagi memenuhi keperluan negara dalam berbagai bidang. Sebarang kegagalan, apa lagi kecuaian mereka yang dihantar itu terhadap pelajaran tentulah dapat dikira akan menjejaskan usaha kerajaan dan harapan negara yang memperuntukkan perbelanjaan yang besar bagi menanggung pengajian serta kemudahan-kemudahan yang lain yang sangat istimewa berbanding dengan penuntut-penuntut dari setengah-setengah negara lain.

Dalam titah Baginda itu, Baginda juga menyebutkan beberapa perkara yang mungkin mempengaruhi penuntut-penuntut seperti dadah dan ajaran-ajaran ugama yang tidak menurut mazhab ahli sunnah wal-jemaah. Kedudukan ini dapat difahami memandangkan bahawa pengaruh dadah telah merosakkan masa depan ramai penuntut-penuntut dan belia di seluruh dunia. Penuntut-penuntut kita di seberang laut tentu mudah terdedah kepada pengaruh yang sedemikian tinggal lagi latar belakang kehidupan berugama dan berkebudayaan selaku seorang Islam dapat juga mengimbangi pengaruh yang merosakkan itu.

Dalam pada itu satu lagi pengaruh yang juga telah merisaukan banyak pihak di negara-negara Islam yang lain ialah penglibatan penuntut-penuntut mereka dalam kegiatan dan fahaman keugamaan sama ada yang berorientasikan dakwah secara melulu ataupun gegasan-gegasan politik dan sosioekonomi yang mengelirukan anak-anak muda terutama sekali mereka yang secara mengejut terdedah kepada teori dalam ugama Islam mengenai isu-isu ekonomi, sosial dan politik tanpa terlebih dahulu mempunyai latar belakang pengetahuan Islam yang asasi.

Mengenai dengan perkara yang kedua itu, yakni pengaruh ajaran-ajaran ugama maka kita sebenarnya mengalu-alukan penglibatan yang sihat yang setakat ini dipercayai banyak membantu penuntut-penuntut yang berkenaan mengatasi kesan sampingan dari kejutan budaya (cultural shock) setelah mereka berada di negara asing yang jauh berbeza latar belakang kemasyarakatannya dengan negara kita. Apa yang merisaukan kita ialah pengaruh ajaran yang mengaitkan ugama dari sudut-sudut politik, ekonomi dan sosial menurut teori dan aliran yang bukan menurut fahaman serta pegangan ahli sunnah wal-jemaah yang menjadi mazhab rasmi negara kita. Teori dan aliran yang sedemikian itu dan sedang dipopularkan di kalangan mahasiswa-mahasiswa dari negara Islam yang berada di Amerika dan di Eropah pada pokoknya menganjurkan perubahan-perubahan radikal dalam kehidupan umat Islam dan ke atas struktur kerajaan serta kepimpinan dalam negara Islam yang mana dalam hubungan itu semangat anti establishment selalu dirangsangkan kepada belia-belia yang sepatutnya diberikan asuhan dan dipimpin bagi faedah-faedah ugama, negara dan umat Islam secara yang menepati dengan keperluan iklim setempat yang juga diambil kira oleh ajaran ugama kita.

Sungguhpun kita tidak pasti sejauh mana pengaruh kegiatan dan ajaran yang mengaitkan ugama secara sedemikian itu sudah melarat kepada penuntut-penuntut kita ke seberang laut namun kita mempunyai tanggungjawab bagi mengatasinya. Kerana itu, seperti yang dititah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Kerajaan Baginda akan membuat beberapa usaha bagi mengatasi beberapa masalah dengan harapan supaya penuntut-penuntut kita di seberang laut akan mencapai keputusan peperiksaan yang lebih baik dan disiplin yang lebih tinggi serta pengawalan pendirian yang lebih baik. Ini termasuklah usaha pada mengemaskan lagi unit pelajaran di London supaya ianya akan dapat bergerak sebagaimana yang dihajatkan.

Ke arah usaha tersebut semua pihak dalam pelajaran dan orang ramai khasnya ibu bapa dan kaum keluarga bukan sahaja menyambut baik sebarang langkah yang akan diambil bahkan akan sentiasa memahami perkara pengaruh yang boleh merosakkan penuntut-penuntut kita di seberang laut dan tanggungjawab kerajaan dalam mengatasinya.

# PENULIS DISERU MEMBERI PERHATIAN GOLONGAN MUDA

GADONG. — Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan menyeru para penulis dan sasterawan supaya memberikan perhatian penulisan terhadap golongan muda, kerana melalui bidang penulisan sastera ianya akan dapat memberikan bimbingan untuk sama-sama bertanggungjawab terhadap pembangunan dan berpegang teguh kepada ugama serta menjauhkan unsur-unsur keburukan.

"Selaras dengan cita-cita pembangunan kita, maka adalah diharapkan supaya akan lebih banyak hasil-hasil sastera dan penulisan yang memuat perbincangan mengenai motivation etika kerja yang penuh semangat, azam, jujur dan amanah," kata Yang Dimuliakan Pehin.

Untuk mencapai matlamat tersebut sambungnya, penulisan sastera hendaklah menyentuh segala persoalan mereka baik dari segi pendidikan, budi pekerti, kemampuan, serta kesempurnaan dalam berfikir dan bertindak.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyatakan demikian di Majlis Penyampaian Hadiah-hadiah Sastera Anjuran Asterawani dengan Kerjasama Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad bertempat di Dewan Auditorium Pusat Tingkatan Enam, Gadong malam Ahad lepas menjelaskan, sastera dan penulisan merupakan alat bimbingan luas kehidupan di mana memerlukan kebijaksanaan serta kepintaran para penulis melaksanakan tugas peranannya bagi memimpin orang ramai mengenal pasti langkah-langkah pembentukan masyarakat.

Sesuai dengan pandangan tersebut Yang Dimuliakan Pehin berharap, fungsi penulis dan sasterawan yang berkesan adalah sebahagian daripada tenaga pembimbing masyarakat dalam membenteras unsur-unsur negatif termasuk dalam karier sastera agar tidak melemahkan masyarakat serta pembangunan negara yang mana sekarang langkah berkebajikan yang dilakukan itu walaupun kecil ukurannya, akan mendapat galakan kerana usaha tersebut akan menjadi teras kesejahteraan.

Terdahulu dari itu Yang Dimuliakan Pehin berharap supaya penulisan dan kesusasteraan kekal dengan realiti kehidupan rakyat negara ini di samping melaksanakan konsep "Perintah apa yang diarah dan dicegah apa yang ditegah."

Sehubungan dengan itu Yang Dimuliakan Pehin menegaskan penekanan haruslah ditumpukan ke arah pembangunan negara supaya penulis dan sasterawan bijak menilai apa yang harus dijadikan thema dan persoalan dalam penulisan, agar yang demikian dapat membentuk masyarakat yang maju selaras dengan cita-cita negara dan rakyat.

Berucap sama di majlis pada malam itu ialah Ketua Satu Asterawani Awang Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid yang antara lain menyentuh mengenai perkembangan kegiatan-kegiatan Asterawani sejak ditubuhkan 22 tahun yang lalu dan kini menjangkau 100 orang ahli-ahlinya. Juga berucap ialah wakil Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad Awang Ibrahim bin Haji Jummat.

Peraduan Sastera tersebut telah dilancarkan pada 13 Mac '83 lalu dan terdiri dari tiga bahagian iaitu bahagian Peraduan Manifestasi Puisi Orang-orang Brunei, Peraduan Menulis Puisi Remaja dan Peraduan Menulis Cerita Rekaan Kanak-kanak.

Dalam bahagian menulis puisi remaja tempat pertama telah disandang oleh Ibrahim bin Haji Muhammad dengan puisinya "Anak Salih Indung Bahagia" menerima hadiah wang tunai sebanyak $2,000. Tempat kedua ialah "Jihad" oleh Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid. Beliau menerima hadiah wang tunai sebanyak $1,500 dan ketiga ialah Abdullah bin Haji Idris dengan Puisinya "Monologue" dan menerima hadiah wang tunai sebanyak $1,000.

Peraduan menulis cerita rekaan kanak-kanak pula telah dimenangi oleh Haji Leman bin Ahmad. Beliau memenangi hadiah wang tunai sebanyak $3,000 dengan tajuk ceritanya "Tukang Cerita". Kedua ialah Dayang Maimon Rahman melalui "Berjasa Kepada Negara" dan memenangi hadiah wang tunai sebanyak $2,000 manakala di tempat ketiga ialah Johari bin Haji Tarif dengan cerita "Nesan" dan menerima hadiah wang tunai sebanyak $1,000.



Y.D.M. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz menyampaikan hadiah kepada Awang Haji Leman Ahmad, pemenang pertama dalam Peraduan Menulis Cerita Rekaan Kanak-Kanak sementara gambar bawah Yang Dimuliakan Pehin menerima cenderamata.



## Seminar Teknikal Binaan

BERAKAS. — Lebih dari 200 orang peserta dari berbagai jabatan-jabatan Kerajaan, firma, swasta serta orang-orang perseorangan telah menghadiri Seminar Teknikal Binaan di Dewan Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada hari Rabu lepas.

Seminar sehari itu dianjurkan oleh Syarikat Pilecon Engineering dari Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya yang bertujuan mendedahkan para peserta mengendalikan kerja-kerja binaan dengan cekap, kemas dan teratur.

## Perubahan pintu masuk

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan mengumumkan bahawa mulai dari 25 Ogos 1984 satu perubahan telah dibuat mengenai dengan pintu masuk ke Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Dengan perubahan itu Pintu A adalah bagi memasuki rumah sakit untuk menuju ke wad, bangunan pesakit luar dan tempat letak kereta pelawat, Pintu B untuk masuk ke asrama jururawat dan tempat letak kereta pelawat manakala jalan menuju ke Bangunan Pesakit Luar akan menjadi satu hala dan menuju ke bawah dan bukannya menuju ke atas seperti yang sudah. Sementara letak kereta pelawat dan pintu masuk juga telah diubah.

Pihak Jabatan itu juga memberitahu supaya orang ramai akan dapat mengikuti isyarat pada papan-papan tanda yang disediakan bagi melicinkan perjalanan.

Sementara itu untuk pengetahuan orang ramai bahawa Pejabat Pengarah Perubatan dan Kesihatan masih lagi di bangunan tapak hospital lama dan bukannya di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

## Ikuti kursus praktikal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang pegawai Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika ini sedang mengikuti kursus latihan penempatan praktikal di Kementerian Kebajikan Am, Kuala Lumpur, Malaysia selama sebulan.

Mereka terdiri dari Dk. Zaliha binte Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya, Hajjah Dayang binte Haji Mohiddin, Awang Abdullah bin Haji Saman dan Awang Osman bin Samad.

Sementara itu dua orang lagi, Awang Lamudin bin Haji Jafar dan Dayang Asiah binte Begawan Pehin Khatib Haji Siraj akan berlepas ke Kuala Lumpur untuk mengikuti kursus yang sama.

Sementara Dayang Mordiah binte Haji Jackia dan Awangku Mahdi bin Pengiran Haji Mohd. Salleh pula akan bertolak pada 5 Oktober depan.

## Jadual lawatan doktor terbang bagi bulan September

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rombongan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter akan mengadakan lawatan ke kampung-kampung pedalaman di tiga buah daerah di negara ini bulan depan.

Di Daerah Tutong rombongan itu akan berada di Kampong Benutan pada 5 September, Kampong Mapol pada 10 September, Kampong Ukong pada 17 September, Kampong Belabau pada 19 September, Kampong Supon Besar pada 25 September dan Kampong Long Mayan pada 26 September.

Di Daerah Belait pula rombongan itu akan membuat lawatan ke Kampong Teraja dan Apak-Apak pada 3 September, Kampong Buau pada 4 September, Kampong Sukang pada 18 September, dan Kampong Melilas pada 24 September.

Rombongan tersebut juga akan berada di Daerah Temburong. Pada 11 September rombongan itu akan berada di Kampong Lopat dan pada 12 September di Kampong Biang Menengah dan Lamaling.

# sudut Royal Brunei سودوت

## RBA anjur perlawanan bola sepak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penerbangan Diraja Brunei kini sedang menganjurkan perlawanan bolasepak tujuh sepasukan bersempena ulang tahun penubuhannya yang ke-9. Perlawanan tersebut hanya terbuka kepada semua kakitangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas, Brunei, termasuk Jabatan Kastam, Bomba, Penerbangan Awam dan lain-lain yang memiliki Pas Airport.

Sebanyak 24 buah pasukan turut bertanding bagi merebut piala yang disumbangkan oleh Awang Abas bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang. Perlawanan pusingan pertama telah diadakan serentak petang semalam di Padang Kebajikan, Jalan Berakas.

Pasukan bolasepak RBA telah ditubuhkan sejak tahun 1978. Dari sejak itu pasukan ini tidak ketinggalan menyertai di mana saja pertandingan yang dianjurkan oleh kelab-kelab dan badan-badan sukan di luar dan dalam negeri.

Pasukan bolasepak RBA ini diketuai oleh Awang Haji Saran bin PLH Maidin. Beliau ialah bekas pemain kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

## Bahagian Kargo dikendalikan oleh anak tempatan

BERAKAS. — Di bahagian kargo RBA terdapat sebuah tempat yang cukup besar guna untuk menyelenggarakan kemasukan barang-barang import seperti barang-barang yang dibekukan, buah-buahan, barang-barang ganti (spare parts) dan lain-lain.

Pada masa ini terdapat serami 45 orang kakitangan bahagian kargo yang mengendalikan Cargo House RBA setiap hari. Mereka ini semuanya terdiri dari anak-anak tempatan yang bekerja secara bergilir-gilir mengikut roaster-roaster yang diberikan oleh ketua-ketua mereka.

Penyelian Kargo (Cargo Superintendent), Awang Idris bin Haji Abdul Hamid menjelaskan bahawa terdapat jentera pengangkut barang-barang berat yang memudahkan kerja-kerja pengangkutan dan juga 'freezer' yang masih digunakan hingga kini di bahagian kargo tersebut tetapi 'rehouse' belumlah mencukupi tambahan lagi bangunan itu bukanlah yang kekal. Memandangkan kesibukan bahagian kargo pada waktu-waktu tertentu, Kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk menutup dan menghadkan kemasukan barang-barang dari jam 8.00 pagi hingga jam 2.00 petang.

Menyentuh tentang pengendalian dokumen-dokumen, semua barang-barang yang sampai mempunyai Air Bill dan setiap barang-barang yang hendak dikeluarkan mestilah mendapatkan dokumen-dokumen tersebut di bahagian pejabat, di luar gedung kargo tersebut. Sementara pengimport-pengimport yang menggunakan dokumen-dokumen melalui Bank of Credit supaya berhubung dengan bank-bank yang tertentu sebelum mengambilnya.

Berkenaan dengan barang-barang yang pecah sama ada di kawasan kargo ataupun di dalam kapal terbang RBA, pihaknya akan memberi pertimbangan mengenainya manakala barang-barang yang pecah semasa dalam penerbangan dengan pesawat-pesawat MAS, SIA, atau British Airways dan lain-lain, pihaknya tidak akan bertanggungjawab tetapi cuba untuk menghubungi dan memberi laporan kepada yang berkenaan.

Tentang bayaran gantirugi pula ianya adalah mengikut kadar invoicenya, jika kehilangan itu kurang daripada invoice, maka pihaknya akan memberi pertimbangan mengikut ala kadar sahaja.

Berbalik kepada 'rehouse' sudah ada rancangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melalui bahagian pengawasan barang-barang untuk membina sebuah bangunan baru untuk kegunaan pekerja-pekerja kargo.

Kira-kira 23 hingga ke-30 peratus daripada kakitangan bahagian tersebut telah pun mempunyai kelulusan yang tertentu tentang pengendalian barang-barang kargo.



PEKERJA-pekerja menjalankan tugas mengendalikan kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

### Dinaikkan pangkat

BERAKAS. — Seorang kakitangan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei telah dinaikkan sebagai Pegawai Petugas (Duty Officer) di Jabatan Perkhidmatan Pelanggan enam bulan lepas.

Beliau ialah Awang Latif bin Haji Hamid yang sebelum ini pernah bertugas dengan Syarikat MAS sebagai Traffic Agent.

Beliau bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan pesawat kapal terbang sebelum bertolak atau mendarat dan juga keselamatan penumpang. Awang Latif memberitahu bahawa selain dari beliau, pihak tertentu juga ada membuat kawalan dan mengenai barang-barang penumpang tambah beliau pengawalannya juga rapi supaya barang-barang tersebut sampai ke destinasi yang betul.

Beliau juga menerangkan bahawa sebelum sesebuah pesawat membuat penerbangan, satu dokumen yang dipanggil 'Load Sheet' hendaklah disediakan. Load Sheet ini menerangkan kepada pemandu kapal terbang tentang kedudukan yang sebenar, keberatan di bahagian pesawat dan juga muatan keseluruhan kargo yang ada di pesawat itu.

## PELATIH RBA IKUT LATIHAN DI AIR NEW ZEALAND



AMINAH Jeludin, salah seorang pelatih RBA yang kini sedang mengikuti latihan dalam bidang Aircraft Avionic.

SUASANA seperti di 'United Nations' terasa kembali di bilik-bilik darjah, bengkel-bengkel dan tempat-tempat hiburan di Sekolah Pusat Latihan dan Kejuruteraan Air New Zealand di Christchurch Airport setelah kepulangan 26 orang pelatih dari Malaysia pada November lepas, kerana kini ramai pelatih-pelatih lelaki dan wanita dari Nauru, Western Samoa, Papua New Guinea, Brunei, Oman dan New Zealand sendiri berada di sana.

Pengetua Latihan Kejuruteraan Awang Bill Chudleigh telah menyatakan rasa gembiranya dalam melatih pelatih-pelatih yang datang dari seluruh pelusuk dunia lebih-lebih lagi guru-guru pelatih di Air New Zealand bukan saja dilatih di dalam negeri tetapi juga belajar di luar negeri untuk menyalurkan pengetahuan mereka kepada pelatih-pelatih luar negeri. Beliau memberitahu bahawa pusat itu telah pun dikenali oleh mereka yang ingin meneruskan karier mereka dalam industri penerbangan dan ada tiga sebab mengapa pusat itu terkenal. Pertama ialah kerana ianya mempunyai kemudahan rawatan kejuruteraan kapal terbang, yang menyediakan berbagai aspek pemeliharaan kapal terbang, kedua kerana adanya kerjasama antara kakitangan-kakitangan dan kesatuan-kesatuan dan akhir sekali kerana suasananya yang stabil yang membuat pelatih-pelatih berasa puas hati dengan keadaan di sana.

Beliau juga memberitahu memandangkan kepada bentuk latihan, ramai dari pelatih-pelatih akan berada di New Zealand hingga kira-kira 5 tahun dan dalam lain hal ada di antara pelatih-pelatih yang membuat rundingan dengan majikan atau pembiaya untuk membawa isteri dan keluarga mereka ke Christchurch buat beberapa waktu. Awang Chudleigh merasa gembira dengan rundingan itu kerana pada mulanya setengah pelatih merasa yang keadaan sekeliling di sana ganjil dan berbeza.

Oleh kerana memang menjadi dasar Air New Zealand supaya semua pelatih-pelatih melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti sosial, tidak hairanlah beberapa orang pelatih luar negeri begitu aktif dalam sukan. Kebanyakan dari 23 orang pelatih-pelatih dari Brunei kerapkali bermain bola sepak bagi pasukan Air New Zealand sementara sebahagiannya lagi bergiat dalam sukan badminton dan pingpong.

Di dalam majalah Flying Times, Awang Keith Jones, jurutera berkelayakan yang juga seorang fitter dan turner berkata bahawa setelah 6 bulan dari jangka kursus selama 3 tahun, kumpulan pelatih Brunei telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan. Tambah beliau lagi bahawa 2 dari 23 orang pelatih yang di bawah biasiswa Kerajaan Brunei telah pun berada di Christchurch sebelum ini dan memperolehi kelayakan sebagai pembantu tradesman dan kini kembali ke sana untuk mendapatkan kelulusan yang lebih tinggi.

Beliau juga memberitahu bahawa sebagai seorang pengajar, beliau mendapati pelatih-pelatih Brunei begitu berminat untuk belajar dan benar-benar untuk mencari pengetahuan. Jika mereka lulus dalam kursus masing-masing mereka akan pulang bersama sijil-sijil sebagai jurutera penerbangan, jurutera kapal terbang, tukang pateri, pemasang enjin dan alat-alat perabot dan sebagai pengurus.

Di bahagian lain Sekolah itu terdapat sembilan orang penuntut Brunei yang mengambil jurusan Theory of Flight Lectures di bawah pengurusan Awang Errol Smart. Kursus 3 minggu itu antara lain merangkuli teori, asas sistem penerbangan dan 'structure of air frames'.

Salah seorang penuntut wanita yang mengikuti kursus itu ialah Dayang Aminah binti Jelulin sementara seorang lagi penuntut wanita Brunei di sana ialah Dayang Aisah binti Haji Ahad. Dayang Aminah merasa seronok dengan latihan yang diikuti dan tidak merasa janggal walaupun terdapat ramai penuntut lelaki di kelasnya kerana mereka semuanya berbudi bahasa.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 29 Ogos hingga 4 September 1984

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Limau Manis | 29.8.1984 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Pangkalan Batu | 29.8.1984 | Rabu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 29.8.1984 | Rabu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Melayu Jerudong | 1.9.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 1.9.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 1.9.1984 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 1.9.1984 | Sabtu | 2.30– 3.00 | petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 1.9.1984 | Sabtu | 3.15– 4.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 1.9.1984 | Sabtu | 4.30– 5.30 | ,, |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa | 2.9.1984 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Di kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 2.9.1984 | Ahad | 10.15–11.15 | ,, |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara. | 2.9.1984 | Ahad | 11.30–12.00 | t/hari |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 3.9.1984 | Isnin | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan, Berakas | 3.9.1984 | Isnin | 3.30– 4.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 4.9.1984 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa Lambak | 4.9.1984 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS ...... Siri ke-241

# HUKUM MELIHAT AURAT PEREMPUAN BERSALIN



Perempuan yang sedang bersalin itu disifatkan dia orang sakit bagaimana tersebut pada bab wasiat dari Kitab Fiqh, maka orang yang mendedahkan aurat perempuan yang bersalin itu dengan tiada hajat yang sangat dan dengan tiada semesti wajar adalah orang itu orang tiada bermaruah dan saksi-saksi keterangan-keterangannya tiada boleh diterima oleh Kadi atau dalam perkara yang mesti ada saksi maka kesaksiannya itu ditolak, dan ia seolah-olah orang fasik sebagaimana kata Al-Imam Ibnu Hajar dan tiada bermaruah itu menunjukkan ada sifat kurang sempurna pada akal seseorang pada hal perempuan yang bersalin itu dipaksa pada mendedahkan aurat dan tiada redanya.

Menurut suatu qaul lain bahawa orang yang senghaja melihat aurat orang dengan tiada ada suatu hajat adalah suatu dosa besar, dan ia dilaknat oleh Allah Taala.

Perkara seperti ini berlaku di pantai-pantai mandi dan di kolam-kolam renang dan di jalan-jalan raya di mana perempuan mendedahkan auratnya, rambutnya, lehernya dan betisnya semuanya dilaknat Allah dan Rasul-Nya.

2. Tiada ada larangan dalam Islam, bahawa suami berada di sisi isteri yang hendak bersalin, kerana suami harus melihat aurat isteri. Akan tetapi telah menjadi adat biasa, maka bidan dan pembantu-pembantunya yang menguruskan perempuan yang bersalin dan Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah menyuruh Umu Salamah dan Zainab binti Jahsy isteri Baginda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam membacakan doa bagi Saidatina Fatimah Radiallahuanha ketika Saidatina Fatimah itu hampir bersalin.

Kehadiran suami di situ boleh memberi bantuan kepada isterinya kiranya ada perkara berbangkit, dan adanya dekat di tempat itu dapat ia buat azan dan qamat ke telinga anak damit itu dan meletakkan kunyahan kurma atau manisan di tekak anak damit itu di mana kedua-dua perkara itu sunat dilaksanakan selepas keluar anak damit itu.

### BAKAL IBU BOLEH BERZIKIR

3. Menurut Kitab-Kitab Fiqh, bahawa bersalin itu diiktibarkan sebagai suatu sakit, maka orang sakit itu sunat ia bertaubat dan berdoa kepada Allah Taala supaya ia sembuh dan selamat dari sakitnya dan mendapat kemudahan-kemudahan dan lutf (keringanan) Allah Taala.

Dalil menurut dalam Syahih Al-Bukhari dan Muslim daripada Saidatina Aishah Radiallahuanha telah berkata :

**"Bahawa adalah Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam, apabila Baginda pergi ke tempat tidur, hendak tidur, maka Rasulullah menghimpunkan dua tapak tangan Baginda, kemudian Baginda meniup dan menyemburkan ke dalam dua tangan itu dengan tiada keluar air liur, kemudian Baginda membaca pada dua tapak tangan itu, 'Qulhuallahu Ahad" hingga akhirnya, dan "Qulauzubirabbil Falaq" hingga akhirnya dan "Qulauzubirabbinnas" hingga akhirnya (dengan didahulukan dengan Bismillahirahman-nirrahim pada tiap-tiap surah itu), kemudian Baginda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam menyapu dengan tapak tangan Baginda akan badan Baginda mana yang boleh sampai disapu, Baginda mulakan dua tapak tangan dengan menyapu atas kepala Baginda dan muka Baginda dan anggota yang hadapan dari badan, Baginda berbuat begitu tiga kali."**

Berkata Saidatina Aishah : **"Manakala Rasulullah gering, maka Baginda menyuruh saya berbuat bagaimana Baginda telah buat itu."**

Menurut suatu riwayat dalam Kitab Sahih : **Bahawa adalah Nabi Salallahu Alaihi Wassalam meniup di atas diri Baginda sendiri di dalam gering yang membawa wafat (meninggal) itu dengan Muawwizat (iaitu Qulhuallahu Ahad dan Qulauzubirabbil Falaq dan Qulauzubirabbinnas).**

Berkata Saidatina Aishah : **"Manakala gering baginda Rasulullah telah bertambah berat, maka saya meniup di atas diri Baginda dengan Muawwizat itu, dan saya menyapukan dengan tapak tangan Baginda di atas badan Baginda kerana mengambil berkat dari tangan Baginda."**

Menurut suatu riwayat :

Adalah Rasulullah apabila Baginda gering, maka Baginda membacakan Muawwizat atas diri Baginda dan Baginda tiupkan.

Dari Hadis ini maka seseorang itu apabila ia sakit maka sunat ia berubat sama ada dengan mata benda atau ayat-ayat Quran sebagaimana Rasulullah amalkan itu.

Menurut riwayat ini, meniup dahulu di atas dua tapak tangan kemudian membaca Muawwizat atau membaca lebih dahulu Muawwizat kemudian meniup ke atas dua tapak tangan dan menyapu dua tapak tangan ke atas kepala dan di atas muka dan di atas leher dan dada dan seterusnya mana-mana yang sampai dua tapak tangan itu pada badan.

Hadis-Hadis menyuruh berubat dengan ayat-ayat Quran ada banyak. Seperti membaca Fatihah ke atas orang yang tiada siuman dan orang yang digigit oleh ular dan dengan lain-lain ayat Quran.

Berkata Al-Imam An-Nawawi : "Kami meriwayatkan di dalam Kitab Ibnu Sunny daripada sahabat Ibnu Abbas Radiallahuanhuma bahawa adalah Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam mengajar sahabat-sahabat Baginda, dari segala sakit dan dari demam panas dengan menyuruh membaca :

Ertinya : **"Dengan nama Allah Yang Maha Besar, kami berlindung dengan Allah Yang Maha Mulia, dari kejahatan urat yang mendidih dan bengkak dan dari kepanasan api neraka."**

WALLAHUAKLAM



DAYANG Norazizah binti Abdullah

# MEMELUK ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga majlis pengislaman telah dilangsungkan baru-baru ini di beberapa tempat yang berasingan.

Di Daerah Tutong bertempat di rumah Awang Osman bin Uking telah dijalankan upacara pengislaman seorang gadis Dusun iaitu Dayang Suraya binti Tarang atau sekarang dikenali sebagai Dayang Norazizah binti Abdullah.

Beliau melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Hajjah Salmah binti Haji Abd. Ghani, seorang Guru Ugama di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Sementara itu bertempat di Masjid Hassanal Bolkiah Tutong telah dilangsungkan majlis yang sama bagi Awang Sibin bin Munchong yang disempurnakan di hadapan Awang Haji Abd. Hamid bin Talipuddin, Imam Masjid tersebut. Awang Sibin memilih nama Islamnya sebagai Awang Zul Azmi bin Munchong.

Di Daerah Brunei dan Muara pula pada 7 Ogos lepas, telah diadakan Majlis Pengislaman bagi seorang Pemuda Iban iaitu Awang Banta Anak Abit yang berasal dari Sarawak, di rumah Awang Takong bin Aji, Barek Jabatan Kerja Raya, Kampong Pintu Malim.

Beliau melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Pengiran Haji Badaruddin bin Pengiran Haji Damit, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama di Jabatan Hal Ehwal Ugama, dan kini dikenali sebagai Awang Aliosman bin Abdullah.

Majlis pada malam itu telah diserikan dengan Zikir Marhaban dan dihadiri oleh Pegawai-pegawai Ugama dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

## Sebentuk cincin dijumpai

**MAJLIS Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam, mengumumkan siapa-siapa yang kehilangan sebentuk cincin emas berpermata batu bolehlah berhubung dengan Pengelola Baitulmal Zakat dan Fitrah, di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, bila-bila masa pejabat dibuka. Cincin tersebut dijumpai tercicir berdekatan pintu pagar hadapan Pejabat Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.**

# HURAIAN FATWA MUFTI

DALAM Fatwa saya yang telah disiarkan dalam akhbar Pelita Brunei keluaran 15 Ogos, 1984 yang lalu saya ada menulis di para 21 seperti berikut : Makruh mengucup tangan orang kaya dan seumpamanya orang-orang ada kebesaran di dunia, seperti ada nama dan kuasa, menurut suatu hadis yang ertinya: *"Barangsiapa merendahkan diri kepada orang kaya kerana kekayaanya, maka hilanglah dua pertiga dari ugamanya."*

Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, elok saya huraikan masalah tersebut dengan lebih lanjut seperti berikut :

(1) Telah berkata Al-Allamah As Syed Abd. Rahman bin Muhammad bin Hussain bin Umar Ba'alawi Mufti Hadhara Maut Rahimahullahu Taala di dalam kitabnya Boghiah Al Mustarsyidin muka surat 296, antara lain:

Dan sunat mengucup tangan seseorang Islam yang salih atau orang alim atau orang yang mempunyai kemuliaan, kerana sahabat Abu 'Ubaidah telah mengucup tangan Saidina 'Umar Radhiallahu Anhuma. Tamat katanya, dan seumpama itu ada disebutkan dalam Fatwa Ibn Hajar dan telah tersebut dalam Al-Masyraur rawiyu fi manaqibi bani alawiyyin. Sunat di sisi Iman Syafie mengucup tangan orang zahid, dan tangan orang yang mulia, dan tangan orang yang alim, dan tangan orang yang tua umurnya, dan tangan kanak-kanak (yang tiada menimbulkan keinginan syahwat) sekalipun bukan kerana rasa belas kasihan kepadanya, dan sunat mengucup wajah sahabat yang baru tiba dari pelayaran berdasarkan satu hadis diriwayatkan oleh Al-Imam At Termidzi bahawa dua orang Yahudi telah mengucup tangan Nabi Salallahu Alaihi Wassalam dan kaki Baginda sedangkan Baginda tiada menegah atau mengengkarkannya .........

Telah berkata Al-Hafiz Al-'Araqi : Dan mencium tempat-tempat yang mulia dengan qasad mengambil tabarruk, dan mengucup tangan orang-orang salih dan kaki-kaki mereka adalah perbuatan yang terpuji sesuai dengan qasad dan niat masing-masing yang mengucup itu.

(2) Difahamkan dari keterangan-keterangan ulama-ulama itu bahawa yang dimaksudkan dengan 'orang mulia' itu ialah seumpama orang itu berasal dari keturunan atau titisan keturunan daripada Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam atau dengan sebab ia menjadi raja atau ketua negara, atau diangkat menjadi menteri, atau menjadi ketua, bukan dengan sebab ia kaya atau ada nama dan ada kuasa yang bersifat keduniaan.

Jika terhimpun pada diri seseorang itu sifat kaya atau ada nama dan ada kuasa, tetapi dalam pada itu ia juga berasal dari orang mulia seumpama dari keturunan atau titisan keturunan Nabi Salallahu Alaihi Wassalam atau jadi raja atau jadi menteri atau jadi ketua, kerana Allah Taala telah memerintahkan di dalam Quran supaya umat Islam taat kepada raja atau ketua daripada bangsa Islam, sebagaiman firman-Nya yang tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam dan kepada raja atau ketua-ketua kamu," dan hadis.

Ertinya: Sekalipun seorang hamba memerintah kamu sama ada kuasa memerintah itu am atau khas.

Dan dari tafsir Ibnu Kathir dan dari perkataan Al-Imam An-Nawawi dalam Al-Azkar, maka mengucup tangannya adalah suatu perkara yang benar dan jalan yang betul bagaimana kata Al-Allamah Mufti Hadhara Maut itu, dan tiada makruh bahkan mustahab (sunat) bagaimana kata Al-Imam An-Nawawi atas qasad atau niat ia orang mulia bukan atas qasad atau niat ia orang kaya atau orang ada kebesaran yang bersifat dunia kerana jika atas qasad atau niat ia orang kaya atau orang ada kebesaran bersifat dunia — bukan atas qasad atau niat ia orang mulia — maka perbuatan mengucup tangannya itu adalah makruh sebagaimana keterangan saya di para 21 dalam fatwa saya yang tersiar dalam akhbar Pelita Brunei keluaran 15 Ogos 1984 yang lalu.

WALLAHUAKLAM

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 29 Ogos, 1984 hingga ke hari Selasa 4 September, 1984 adalah seperti di bawah ini : —**

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 29–31 | 12.26 | 3.42 | 3.43 | 6.32 | 6.33 | 7.43 | 7.44 | 4.56 | 4.42 | 4.57 | 6.13 | 6.14 |
| 1– 4 | 12.24 | 3.40 | 3.41 | 6.29 | 6.30 | 7.41 | 7.42 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.12 | 6.13 |

**Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.**

# TIGA PERKARA BERJALAN SERENTAK ...sempurnalah iman




MARILAH kita bertakwa dengan sebenar-benar takwa kepada Allah, kita ikut perintah-Nya, kita jauhi larangan-Nya, kita beribadat hanya kepada-Nya, mudah-mudahan sekalian kita mendapat rahmat serta keredaan-Nya.

Marilah pada kali ini kita bercakap tentang 'Iman'. Iman itu wajib dipelihara supaya kita selamat di dunia dan akhirat. Orang yang tidak beriman atau keluar dari iman adalah orang celaka, kerana sebesar-besar dosa yang tidak berampun ialah dosa kufur atau dosa orang tidak beriman. Makna iman sebagaimana sabda Nabi ialah:

**"Iman itu ialah mengenal dengan hati atau tasadik dengan hati apa-apa yang dibawa oleh Rasul Allah, berikrar melalui perkataan dengan lidah, yakni mengucap dua kalimah syahadat dan beramal apa-apa yang diperintahkan dengan seluruh anggota."**

BERJALAN SERENTAK

Ketiga-tiga perkara ini hendaklah berjalan serentak, di samping mengaku dengan hati dan menuturkan dengan lidah, juga tidak boleh tidak mesti mengamalkannya dengan anggota. Ertinya, mengaku di hati sahaja tidak cukup. Demikian juga tasadik dengan hati dan menuturkannya dengan lidah sahaja pun belum dianggap sempurna, melainkan wajib pula diikuti dengan amalan oleh anggota. Sebagai misalnya, seseorang mengaku dalam hatinya ibadat sembahyang itu hukumnya wajib, kemudian pengakuannya itu diikrarkan pula melalui perkataan, tetapi membuatnya dia tidak. Dari awal takbirratulihram hingga salam tidak pernah dilakukannya. Maka iman yang seperti ini diumpamakan oleh syair Arab sebagai pohon tidak berbuah. Bahkan pohon yang tidak berbuah itu lebih baik lagi keadaannya, masih ada juga gunanya. Atau dengan perumpamaan yang lebih tepat, sama dengan seorang insan yang telanjang yang tidak berpakaian.

Nabi Salallahu Alaihi Wassalam bersabda yang ertinya:

**'Iman itu bertelanjang dan pakaiannya ialah takwa, dan perhiasannya malu dan buahnya ilmu.'**

Takwa di sini maknanya takut, tunduk dan patuh kepada perintah-perintah Allah, malu pula ialah malu kepada Allah, malu melakukan apa-apa yang ditegah-Nya, dan ilmu pula ialah tahu yang disertai dengan amal. Berkata Syeikh Abdul Kadir Al-Zailani:

**"Kami beriktikad bahawa iman itu perkataan dengan lidah, makrifah dengan hati dan beramal dengan segala anggota. Bertambah iman itu dengan taat, berkurang ia dengan maksiat, kuat ia dengan ilmu dan daif ia dengan jahil."**

Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam tatkala ditanya oleh Ibnu Omar, Baginda bersabda yang maksudnya,

**"Bertambah iman itu sehingga memasukkan ia tulannya ke dalam syurga, dan berkurang ia sehingga memasukkan ia tulannya ke dalam neraka."**

MENYERET

Demikianlah wahai kaum Muslimin, mengenai dengan iman. Dari keterangan di atas hendaklah kita faham bahawa iman itu tidak cukup di hati sahaja. Atau di mulut sahaja, atau kedua-duanya di hati dan di mulut, tetapi perlu dan wajib dibuktikan dengan perbuatan. Ingatlah, bahawa dari maksud hadis di atas, hanya iman yang kamil, yang sempurna, yang senantiasa bertambah dengan cara berbuat taat itu sahaja yang akan berhasil memasukkan tuannya ke dalam syurga. Sementara iman yang tidak berbuah atau yang nipis dan semakin tipis, yang terus berkurang, akan menyeret tuannya ke dalam neraka jahanam.

Oleh kerana itu, marilah kita sama-sama berikhtiar mengasuh diri kita jangan melupakan pengertian iman ini, supaya kita selamanya ingat bahawa iman itu tidak boleh tidak mesti dibuktikan dengan pengakuan dan amalan sekali. Dengan itu mudah-mudahan kita akan menjadi orang-orang Islam yang bertakwa lagi sempurna, Amin.

# HIDAYAH

PERJALANAN hidup manusia adalah beraneka macam, tidak semuanya sama ada yang menempuh jalan yang baik dan terpuji, ada pula yang mengikuti jalan yang jahat, buruk lagi tercela. Hal ini dapat dilihat dalam sejarah perkembangan ugama tauhid yang dibawa oleh para Rasul sejak dari zaman Nabi Adam Alaihis Salam sampai kepada zaman Islam yang di bawa oleh Baginda Rasulullah, Muhammad Salallahu Alaihi Wasalam.

Kebenaran Ugama Islam yang dibawa oleh Rasul-Rasul adalah tidak dapat diragui akan kebenarannya, bukti dan dalil yang mereka tunjukkan sudah lebih daripada cukup. Hal ini telah diakui sendiri oleh mereka yang tidak mahu mengikutinya, tidak mahu mengikuti kebenaran, kebaikan Ugama Rasul-rasul itu, cuma mereka itu cemburu dan iri hati kerana hati mereka tidak mendapat cahaya petunjuk atau hidayah.

Oleh kerana yang demikian, banyaklah orang yang jahat, buruk perangai, berbuat maksiat selama hidupnya dan mati di atas kemaksiatannya. Akan tetapi tidak sedikit pula orang seperti yang demikian yang akhir hidup atau matinya dalam keadaan baik lagi terpuji.

Kita ambil sebagai contoh yang pertama, iaitu orang yang hidup dan matinya dalam kecelaan dan kemaksiatan, Firaun, Haman dan Abu Lahab. Nabi Musa Alaihis Salam telah mengajak dan menyeru Firaun dan Haman kepada Ugama yang mengesahkan Allah, mereka ini meminta bukti atas kebenaran ajakan dan seruan Nabi Musa itu, Nabi Musa Alaihis Salam pun menunjukkan berbagai bukti, sebagai tanda kebenaran Ugamanya, namun Firaun dan Haman bukan saja menolak bahkan memusuhi Nabi Musa Alaihis Salam dan mencaci maki ajaran yang dibawa Nabi Musa Alaihis Salam itu. Kemudian Nabi kita pula Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam dan membujuk Abu Lahab supaya mengikuti Ugama Islam, bukti dan dalil pun telah di perlihatkan oleh Baginda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam, akan tetapi Abu Lahab tidak mahu mengikuti Islam, tidak mahu tunduk kepada kebenaran, kebaikan ugama yang dibawa Rasulullah itu. Akhirnya Firaun, Haman dan Abu Lahab matilah dalam keadaan tercela dan kekufuran dan keadaan mereka ini telah dipersaksikan sendiri oleh Al-Quran.

Contoh yang kedua, iaitu orang yang buruk perangai dan bergelumang dengan maksiat serta kemungkaran akan tetapi akhir perjalanan hidupnya disudahi dengan kebaikan dan penuh dengan budi dan jasa, Sayidina Umar bin Khattab. Ketika Rasulullah Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam mengajak orang-orang musyrikin Mekkah kepada Ugama Islam, Umar bin Khattab adalah di antara orang yang tidak mahu memasuki Ugama Islam, bukan saja setakat tidak mahu, bahkan memusuhi sesiapa saja yang telah masuk ke dalam Ugama baru itu, serta menyakiti mereka dengan berbagai kesakitan, kerana beliau menggangap Ugama baru itu adalah ugama pemecah-belah, di samping itu beliau adalah terkenal dengan kekerasan hati, kebengisan dan keberanian. Akan tetapi kemudian daripada itu, perjalanan hidup Umar bin Khattab yang penuh dengan gelimangan dosa dan kemungkaran itu telah berubah seratus-peratus, bertukar kepada perjalanan hidup yang terpuji, iaitu dengan masuknya Baginda kepada jalan yang selamat, kepada Ugama Islam. Seterusnya Baginda bukan lagi sekadar hanya masuk saja ke dalam Islam, bahkan dengan lantangnya Baginda

**Menuju keredaan Allah**

mencabar sesiapa saja yang berani mencaci ugama barunya itu. Akhirnya, hidup Sayidina Umar bin Khattab disudahi dengan perjalanan hidup yang terpuji.

Dari apa yang kita sebutkan di atas, timbul satu persoalan, apa sebenarnya yang membuat dan menyebabkan orang-orang yang bergelumang dengan dosa, kemungkaran dan keburukan sepanjang perjalanan hidupnya dan mati pula dalam keadaan yang demikian, seperti Firaun dan orang-orang yang seumpamanya, juga orang-orang yang sama halnya, akan tetapi akhir perjalanan hidup atau matinya berada dalam keadaan baik dan terpuji seperti Sayidina Umar Radiallahu Anha dan orang-orang yang seumpamanya? Sebagai jawapan atau hakikat sebenarnya ialah disebabkan HIDAYAH atau PETUNJUK.

Hidayah atau lebih tepatnya dalam bahasa kita petunjuk Allah Taala, adalah hakikat sebenarnya bagi menentukan perjalanan hidup manusia, sama ada baik atau buruk, terpulanglah kepada hidayah tersebut, kalau Allah Taala telah memberi hidayah kepada seseorang itu, tidak kira siapa saja orangnya, tiada siapa yang dapat menghalanginya untuk hidup secara baik dan terpuji, dengan lain perkataan, seseorang itu boleh insaf, atau bertaubat pula bila-bila masa, apabila hatinya telah mendapat hidayah, dari segi lahiriahnya, betapa banyak orang yang selama ini kita lihat tidak pernah mengunjungi masjid, tidak pernah mengerjakan sembahyang, tahu-tahu satu masa dialah yang paling rajin iktikaf di masjid dan menghadiri sembahyang berjemaah. Sebaliknya pula kalau Allah Taala tidak memberinya hidayah, walaupun cukup dalil diberikan, walaupun mulut berbuih memberinya nasihat, namun ia tidak akan insaf, tidak akan tergerak hatinya untuk bertaubat.

Betapa sedihnya hati Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam ketika wafatnya Abu Talib tanpa mengucapkan dua kalimah syahadat, sedangkan Baginda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah bersungguh-sungguh menyuruh dan mengajarinya untuk mengucapkan dua kalimah syahadat tersebut, namun walaupun seorang Rasul, seorang yang mencintainya menyuruh berbuat demikian, Abu Talib tidak dapat mengucapkannya, sebab Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam hanyalah seorang pemberi nasihat dan yang memberi hidayah hanyalah Allah Taala, maka ketika itu turunlah Ayat Al-Quran yang maksudnya : *"Engkau wahai Rasulullah, tidak dapat memberi hidayah kepada orang yang engkau cintai sekalipun dan akan tetapi Allah Taala-lah yang menghidayahi orang-orang yang dikehendaki-Nya.*

Penganugerahan hidayah atau petunjuk hanyalah di khaskan oleh Allah Taala kepada orang-orang yang dikehendakinya saja dan anugerah ini merupakan anugerah yang paling berharga bagi manusia kerana dengan adanya hidayah itu, bertukarlah pangkat dan darjat manusia daripada manusia yang merugi kepada manusia yang beruntung, dan yang jelas bahawa setiap manusia itu tidak ada yang mahu kepada kerugian, semua orang yang waras mahukan untung kebahagiaan.

Fungsi hidayah pada perjalanan hidup matinya seseorang itu amatlah penting. Oleh kerana yang demikianlah, walaupun hidayah itu hak mutlak Allah Taala, setiap orang yang telah mendapat hidayah iaitu orang-orang Muslim, hendaklah senantiasa berusaha menjaga, memelihara dan mempersuburkan hidayah yang sudah diperolehinya itu, supaya Allah Taala tidak mencabutnya kembali.

Usaha yang paling berkesan untuk memelihara hidayah ialah dengan membanyakkan amal ibadah, khasnya sembahyang lima waktu. Kita sebutkan di sini sembahyang fardu yang lima waktu, kerana dalam sembahyang itu ada bacaan Fatihah, dalam Fatihah itu pula ada doa dan di dalam doa itulah terkandung apa yang kita maksudkan, iaitu permintaan, rayuan dan harapan kepada yang empunya hidayah, kepada Allah Taala, agar Allah Taala selalu menghidayahi, menunjuki kita ke jalan yang benar, jalan orang-orang yang salih, tidak kepada jalan yang sesat atau menyesatkan :

*'Ya Allah, tunjukilah kami, hidayahilah kami kepada jalan yang lurus, jalan orang-orang yang Engkau beri kurnia nikmat kepada mereka, janganlah kepada jalan orang-orang yang dimurkai (Yahudi) dan orang-orang yang sesat."*

Selain daripada doa yang terkandung dalam Fatihah ini, dalam bacaan doa antara dua sujud dan dalam doa qunut sembahyang Subuh, juga mengandungi hal yang sama, iaitu permohonan hidayah kepada Allah Taala, doa tersebut ialah : *'Ya Allah, kasihani dan hidayahilah daku'* dan *'Ya Allah, hidayahilah daku*

Lihat muka 20

# PEMBINAAN RUMAH SAKIT BERHARGA $180j

PERASMIAN Pembukaan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha semalam adalah merupakan satu lagi catatan bersejarah bagi negara ini dalam jangka masa hampir tiga suku tahun kita memasuki era merdeka penuh berdaulat.

Pembinaan rumah sakit yang menelan belanja lebih kurang $180 juta ini adalah juga satu tanda betapa beratnya perhatian yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam terhadap taraf kesihatan yang perlu dimiliki oleh rakyat dan penduduk negara ini.



PEMANDANGAN dari udara Kompleks Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Oleh:
Abd Karim Haji Abu Bakar

### SESUAI

Projek ini telah dimulakan pada tahun 1978/1979 sebaik-baik saja tapak lokasi dipersetujui di atas sebuah bukit seluas 32 ekar di Kampong Kiulap yang difikirkan sesuai untuk didatangi dari darat dan sungai serta mampu untuk berkembang di besarkan di masa depan bagi mengambil alih Rumah Sakit Besar di Jalan Stoney.

Kontrak untuk kerja-kerja cerucuk (piling) bagi pembinaan Bangunan Wad-wad telah ditandatangani pada tahun 1977 diikuti dengan perjanjian bagi pembinaan rangka atas untuk bangunan yang sama yang mana keduaduanya ditawarkan kepada Syarikat Pembinaan Hong Lee Sdn. Berhad.

Manakala kontrak pembinaan Kompleks jururawat yang mengandungi asrama, Pusat latihan Jururawat dan Rumah Pangsa Jururawat-Jururawat Terlatih telah ditawarkan kepada Syarikat Pemborong Tiong Seng Sdn Bhd. Sementara pembinaan Bangunan Bahagian Pesakit Luar diberikan kepada Syarikat Lian Heng.

Pengawalan Projek ini pada mulanya dipikul oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi. Pada bulan September 1978, Penasihat Perubatan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mengambil alih kuasa pengawalan selaku Pengarah Projek bertanggungjawab kepada Pemangku Menteri Besar melalui Pengarah Unit Perancang Ekonomi. Di masa inilah tarikh projek ini ditetapkan supaya akan siap pada bulan Jun 1982.

Memandang masalah yang akan dihadapi dalam pengambilan dan latihan tambahan pegawai-pegawai dan kakitangan perubatan, 'para-medik', kejuruteraan dan juga pengurus-pengurus serta pentadbir-pentadbir yang berpengalaman maka dengan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan pada bulan Januari 1979 menitahkan supaya ditubuhkan satu badan pengambilan yang dipengerusikan oleh Pengarah Perjawatan.

## KE ARAH MENINGKATKAN TARAF KESIHATAN RAKYAT

Pada awal tahun 1980, sebuah pasukan pelaksana telah dilantik untuk membantu Pengarah Projek bagi menggerakkan bangunan ini menjadi sebuah rumah sakit yang boleh digunakan. Tugas-tugasnya termasuklah untuk merangka dasar-dasar gerakan, mengubah penjadualan, membekalkan alat perkakas perubatan melalui agensi pembelian yang dilantik, melaksanakan pemasangan dan di mana perlu menjadi seorang tengah antara pengguna dan para perunding projek.

Tugas Pasukan Pelaksana ini juga disertai dengan aktifnya oleh pengurus dan ketua-ketua bahagian.

### BERPERINGKAT

Kompleks Jururawat telah diserahkan secara rasmi oleh pihak pemborong kepada Kerajaan pada bulan Jun 1982. Manakala kumpulan bangunan wad-wad telah dijadualkan semula untuk disiapkan pada 3 Jun 1982 dan penyerahannya dibuat secara berperingkat-peringkat yang hanya selesai pada penghujung tahun 1982.

Bangunan Bahagian Pesakit Luar dan Pusat Makmal Negara pula diserahkan pada awal 1983. Unit yang paling akhir sekali diserahkan ialah Bangunan pemeliharaan dan jeti yang siap pada penghujung 1983.

Keseluruhan rumah sakit ini mengandungi 26 buah wad yang menampung 530 buah katil. Rawatan kepakaran yang terdapat di sini termasuklah perubatan; pembedahan; Perbidanan dan Sakit Puan; Perubatan Pesakit Kanak-Kanak; Pesakit Jiwa; Unit Rawatan Intensif; Unit Sakit Buah Pinggang; Unit Pesakit Jantung; Bahagian Mata; Bahagian Telinga, Hidung dan Kerongkong.

Perkhidmatan yang terdapat di sini dikendalikan oleh 21 orang pakar; 43 orang pegawai perubatan; 6 orang pegawai pergigian; 3 orang ahli kimia ubat; 7 orang ahli kimia hayat; 8 orang ahli kaji kuman; 572 orang jururawat dan beberapa orang pegawai dan kakitangan yang lain yang menjadikan jumlah kakitangan meningkat 1,870 orang.

### UNIT PEMBEDAHAN

Unit pembedahan mengandungi empat buah bilik pembedahan dan sebuah bilik pembalutan (Plaster Room). Bilik yang lain termasuklah bilik pemulihan selepas pembedahan (Recovery Room), bilik tukar pakaian, bilik pegawai-pegawai perubatan, bilik rihat dan tempat penyambut tetamu.

Unit ini juga mempunyai cawangan bius iaitu cawangan kecil yang tidak kurang pentingnya. Ia mempunyai empat orang pakar bius dan beberapa juruteknik yang berpengalaman luas dalam pembiusan. Cawangan ini bertanggungjawab bagi pengendalian bius sewaktu pembedahan-pembedahan dijalankan.

Manakala Bahagian Kepakaran Perbidanan dan Sakit Puan pula menyediakan berbagai jenis rawatan kepada ibu-ibu semasa mengandung dan sesudah bersalin dan juga kepada anak-anak damit.

Bahagian ini mempunyai tiga buah wad yang dibahagikan kepada; sebelum bersalin; sesudah bersalin; dan untuk mereka yang mempunyai masalah sakit puan. Tiap-tiap wad mempunyai 27 buah katil termasuk 3 buah bilik pengasingannya sendiri yang perlu perhatian berasingan.

Di samping itu ada juga terdapat wad yang dikenali sebagai 'Kelas Pertama' yang mempunyai 13 buah katil dan 4 buah katil pengasingan selain dari sebuah bilik pembedahan sendiri.

Kanak-kanak damit yang sihat akan ditempatkan di sisi ibu mereka tetapi bagi yang kurang sihat dan memerlukan rawatan khas, mereka akan dimasukkan ke Unit Rawatan Khas Kanak-kanak Damit.

Perkhidmatan mengesan kanak-kanak damit dalam kandungan dengan menggunakan 'Kaedah Kajigambar Gema' (Ultrasound Foetal Monitor) juga terdapat di bahagian ini.

Pakar-pakar perbidanan dan perubatan di bahagian ini dibantu oleh para bidan dan kakitangan jururawat yang terlatih dan mereka akan melawat ke klinik-klinik untuk memberikan rawatan.

### RAWATAN INTENSIF

Unit rawatan Intensif pula merupakan sebuah wad yang dikhususkan bagi merawat pesakit-pesakit yang dalam keadaan tenat dan genting.

Unit ini dilengkapi dengan kelengkapan-kelengkapan yang teristimewa seperti peralatan-peralatan penyelamat dan 'penyambung' nyawa termasuk 'Alat kaji Degupan Jantung Cara Elektro' yang disambungkan ke terminal komputer secara terus menerus yang ditempatkan di ruang jururawat bertugas di wad ini. Sistem ini dikenal sebagai 'Central Monitoring System'.

Dengan cara memerhatikan maklumat yang dipancarkan di kaca peti terminal kom-

Lihat muka 7



SALAH seorang pesakit yang mengidap sakit buah pinggang sedang menerima rawatan dengan menggunakan 'Mesin Pencuci Buah Pinggang' (Cobe Centry Dialysis Machine) di Wad Rawatan Buah Pinggang (kiri).



SALAH seorang pegawai di Bahagian Penggambaran X-Ray sedang memeriksa seorang pesakit dengan menggunakan salah satu mesin yang terdapat di bahagian itu (atas).

# RUMAH SAKIT R.I.P.A.S. MEMPUNYAI BERBAGAI PERALATAN MODEN

Dari muka 6

puter ini, jururawat-jururawat dapat mengetahui keadaan dan perkembangan tiap-tiap pesakit setiap masa tanpa berada di sisi pesakit itu.

Sebagaimana unit-unit yang lain, Unit Buah Pinggang juga mempunyai wad tersendiri yang boleh menempatkan lebih 50 orang pesakit dalam.

Ketika ini terdapat seramai 28 orang pesakit yang ditahan di wad ini sebagai pesakit cuci darah jangka panjang dan cuci darah 'Peritoneal Intermiten Tenant' selain memeriksa pesakit-pesakit luar sekali seminggu dan mengadakan kemudahan untuk digunakan oleh pesakit luar yang memerlukan pencucian darah sekali seminggu.

Unit ini sudah pun menjangkau 16 tahun dan ianya sentiasa dikemaskinikan dan satu 'Unit Darah Bergerak sedang dipertimbangkan untuk diadakan.

Klinik Dada yang dibuka tiap-tiap hari Selasa dan Sabtu merawat pesakit-pesakit batuk kering. Rawatan yang diberikan diawasi mengikut keadaan penyakit dan kemudahan yang ada.

Jika didapati seseorang pesakit dada perlu ditahan, ia akan dimasukkan ke wad pesakit dada. Agar pesakit lain tidak dijangkiti, wad ini senghaja ditempatkan secara berasingan daripada wad-wad lain. Sistem penyedutan yang lazimnya dihubungkan ke mana-mana wad tidak disambungkan ke wad ini malah sebaliknya ianya dibekalkan dengan alat penyedutan berasingan.

## SAKIT JIWA

Unit Kesihatan Jiwa mengandungi dua orang pakar perubatan Sakit Jiwa yang bertugas sepenuh masa dengan dibantu oleh dua orang pegawai jururawat, 10 orang jururawat, dan 12 orang amah.

Unit ini merupakan pusat rawatan kesihatan jiwa untuk seluruh Negara Brunei Darussalam.

Walaupun wad ini mampu menampung hingga 30 buah katil tetapi masa ini hanya ada 8 buah katil untuk pesakit lelaki dan 8 buah katil yang berasingan untuk pesakit-pesakit perempuan dan sebuah katil untuk pesakit yang berkeadaan teruk dalam penyakit mental.

Selain itu unit ini juga menyediakan perkhidmatan Klinik Pesakit Luar Harian; pengurusan rawatan harian bagi pesakit yang hanya tinggal di rumah sakit pada waktu siang dan pulang ke rumah mereka pada waktu malam; menyediakan rancangan khas untuk masalah penagihan dadah; membuat pengesahan dan memberi pandangan serta pendapat kepakaran yang bersangkutan dengan kesihatan jiwa yang dikehendaki oleh undang-undang; dan sebagainya.

Selain itu perhatian utama unit ini ialah menyelidik, mengesan dan memberi rawatan di peringkat awal untuk mencegah sebelum berlarutan.

Klinik Telinga, Hidung dan Kerongkong yang terletak di tingkat bawah Bangunan Pesakit Luar menyediakan perkhidmatan perundingan dan rawatan untuk pesakit yang mengalami sakit telinga, hidung dan kerongkong dan penyakit-penyakit yang bersangkut paut dengan kepala dan leher.

Bahagian ini masih lagi kekurangan kemudahan-kemudahan dan kepakaran untuk merawat penyakit-penyakit yang luar biasa atau penyakit alat kelamin yang khususnya menjangkiti telinga.

Kemudahan diagnosa dan pemulihan khas boleh didapati di klinik ini.

Di bahagian Pendengaran (Audiological) klinik ini, pengkaji dengar akan memberikan diagnosa kepada pesakit-pesakit yang disyaki menghadapi masalah pendengaran. Bagi pesakit pekak yang tidak dapat pulih dengan cara pembedahan, akan dibantu dengan cara memasang peralatan pendengaran di telinga pesakit itu.

Klinik ini juga mempunyai kemudahan merawat pesakit yang mempunyai masalah dalam sistem penimbangan.

Manakala di bahagian Pemulihan Percakapan pula, latihan percakapan dengan menggunakan peralatan pendengaran diberikan kepada anak-anak prasekolah yang mempunyai masalah ini. Rawatan yang sama juga diberikan kepada mereka yang gagap.

## PEMULIHAN

Bahagian pemulihan juga terdapat di rumah sakit ini. Ianya menyediakan dua cara pemulihan yang berasingan iaitu Rawatan Pemulihan anggota (Physiotherapy) dan Pemulihan Cara Kerja (Occupational Theraphy).

Unit Rawatan Pemulihan anggota mempunyai dewan gerak badan yang dilengkapi dengan peralatan yang termoden serta sebuah kolam dengan peralatan tambahan untuk rawatan dalam air.

Unit ini mempunyai Juru Pemulihan Anggotanya sendiri dan memberikan rawatan kepada pesakit-pesakit luar dan dalam.

Cara rawatan bagi pemulihan dan kesempurnaan anggota yang diberi berupa perseorangan dan berkumpulan melibatkan latihan gerak badan yang betul dan rawatan dalam kolam air selain dari latihan menggunakan peralatan letrik dan membiasakan diri.

Lihat muka 8



SEORANG pesakit di Unit Rawatan Rapi (Intensive Care Unit) sedang menjalani pemeriksaan dari jururawat-jururawat yang bertugas di bahagian tersebut.



DI Bilik Amali Perbidanan, sebahagian jururawat pelatih sedang menjalani latihan praktikal.

PEKERJA-pekerja di Bahagian 'Laundary' melipat cadar-cadar yang telah dikeringkan dengan menggunakan mesin khas (bawah).





MESIN khusus 'Steam Sterilizer' dan 'Ethylene Oxide Sterilizer' yang terdapat di Bahagian Pusat Pembasmian Kuman digunakan untuk pembasmian kuman yang tidak boleh dimusnahkan dengan cucian biasa.

# KOMPLEKS RUMAH SAKIT R.I.P.A.S. MENYEDIAKAN KEMUDAHAN SUKAN

Dari muka 7

Perkhidmatan rawatan di unit ini boleh didapatkan mengikut waktu bekerja. Jika perlu perkhidmatan ini boleh didapatkan dengan panggilan di luar waktu kerja terutama sekali di hujung minggu dan hari-hari kelepasan awam.

Pusat pemulihan Cara kerja pula mempunyai empat bahagian kecil yang memberikan perkhidmatan yang berlainan.

Terdapat dua bilik kerja pemulihan iaitu bilik utama dan bilik kegiatan bagi kerja-kerja menjahit, menaip melukis dan bermain; dan Bengkel Pemulihan yang dilengkapi dengan kemudahan bagi kerja-kerja pertukangan kayu dan pertukangan dengan menggunakan logam.

Bahagian ketiga ialah unit kegiatan harian yang mengandungi dapur masak, kamar mandi, tandas dan bilik rehat yang direka khas untuk memenuhi keperluan pesakit-pesakit yang cacat anggota; dan bahagian terakhir ialah sebuah pejabat kecil yang digunakan untuk menilai keupayaan atau mengukur kemampuan dan kebolehan pesakit-pesakit cacat.

Unit Suntikan meskipun merupakan sebahagian dari Bahagian Kesihatan Awam tetapi senghaja diletakkan di rumah sakit ini untuk kemudahan orang ramai. Ianya bertanggungjawab memeriksa pengusaha-pengusaha jualan makanan dan semua jenis tempat menjual makanan untuk menentukan sama ada lesen patut diberi atau tidak termasuk penjaja atau tuan punya gerai.

Pencegahan penyakit bagi orang-orang yang akan menggembara juga dikendalikan oleh unit ini selain dari memeriksa mayat dan mengembalikannya keluar negeri menurut peraturan-peraturan kesihatan.

Unit ini diketuai oleh Ketua Merinyu Kesihatan dan mempunyai 15 orang kakitangan yang terdiri dari Merinyu Kesihatan dan Pembantu-Pembantu Kesihatan.

Bahagian Penggambaran X-Ray pula mempunyai dua orang pakar Radiologi yang dibantu oleh radiograper-radiograper dan juruteknik X-Ray.

Unit ini antara lain memberikan perkhidmatan penggambaran X-Ray secara terus menerus seperti biasa; penggambaran secara 'Kaji Gambar Gema' (Ultrasound); dan menyimpan gambar-gambar dan rekod-rekod X-Ray pesakit.

Bahagian Pusat Pembasmian Kuman pula mempunyai seramai 35 orang Kakitangan yang sebahagian besarnya terdiri dari wanita dan diketuai oleh Pegawai Jururawat.

Bahagian ini membekalkan dan mengedarkan peralatan yang bebas dari pencemaran dan kuman-kuman yang merbahaya.

Pembasmian dilakukan dengan menggunakan mesin khusus yang di panggil 'Steam Sterilizer' dan 'Ethylene Oxide Sterilizer' yang boleh memusnahkan kuman dan pencemaran yang tidak boleh dibasmi dengan cucian biasa.

Peralatan yang dibersihkan oleh bahagian ini tidak terhad kepada bahan yang dibuat dari logam dan kaca tetapi juga temasuk bahan lembut seperti kapas dan kain pembelut.

Selain dari berbagai bahagian dan unit yang disebutkan tadi juga terdapat ialah Bahagian Kaji Penyakit; Bahagian Histopathology; Bahagian Kaji Darah; Bahagian Simpanan Darah; dan Bahagian Kaji Kuman.



KOLAM renang yang terdapat di kompleks sukan di belakang Rumah Pangsa Jururawat (atas).

### PERPUSTAKAAN

Perkhidmatan Perpustakaan yang sebelum ini ditempatkan di Perpustakaan Dato Ibrahim, Bangunan Peringatan Churchill kini telah dipindahkan ke Dewan Perpustakaan Perubatan rumah sakit ini pada bulan Ogos tahun lepas.

Koleksi buku perubatan yang terdapat di perpustakaan ini sudah mencapai 1,700 buah manakala majalah pula dianggarkan lebih 10,000 buah. Sementara koleksi majalah perpustakaan mencapai 66 tajuk, koleksi buku-buku pula meliputi 53 tajuk perkara.

Majalah yang terdapat di perpustakaan ini ada di antaranya sehingga tahun 1963 hingga sekarang. Bahagian majalah ini hanya dihadkan untuk rujukan sahaja.

Perpustakaan perubatan ini juga mempunyai 'microfiche-reader' dan Printer. Mikrofilem yang hanya ada di perpustakaan ini ialah jenis 'The Lancet Tahun 1973' dan 'British Dental Journal Tahun 1976 dan 1977'.



SEBAHAGIAN dari kanak-kanak di Wad Pesakit Kanak-Kanak (Paediatric Ward) sedang mengisi masa lapang mereka ditemani oleh pekerja-pekerja di wad itu.

Kemudahan-kemudahan sukan bagi kakitangan rumah sakit ini juga disediakan dengan menyediakan kompleks sukan yang terletak berhampiran dengan kompleks rumah pangsa jururawat berhampiran dengan landasan helikopter.

Kemudahan-kemudahan itu termasuklah sebuah kolam renang; dewan sukan yang mengandungi tiga gelanggang bulu tangkis; sebuah gelanggang bola tampar dan sebuah gelanggan bola keranjang.

Dua buah gelanggang squash juga disediakan di bangunan yang berasingan dan berhawa dingin. Kawasan gelanggang squash ini mempunyai kemudahan untuk menambah gelanggang; serta dua gelanggang tenis yang dilengkapi dengan lampu.

Bangunan ini juga mempunyai stor menyimpan perkakas sukan; di dewan besar dan bilik jentera untuk jentera pompa, jentera hawa dingin dan alat-alat ganti.

Pejabat untuk pengawas pula terletak berhampiran dengan gelanggang squash.

Terdirinya bangunan yang tersergam indah ini dengan tenaga-tenaga yang penuh kepakaran serta dilengkapi pula dengan peralatan moden dan berteknologi tinggi sudah barang tentunya akan diharapkan dapat mencapai matlamat yang dicita-citakan dalam memberikan sumbangan bagi meningkatkan lagi mutu perubatan dan taraf kesihatan rakyat dan penduduk negara ini.





PEKERJA-pekerja di Bahagian Gedung Ubat (Pharmacy) sibuk melayani orang ramai yang memerlukan ubat-ubat (atas).

SEBAHAGIAN dari pekerja-pekerja kelihatan sedang mendengar kuliah ugama yang disampaikan oleh seorang guru ugama di surau rumah sakit itu (kanan).

# SEJARAH RINGKAS PERUBATAN DI BRUNEI

Oleh: Ahat Ismail

PERKHIDMATAN Perubatan dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam ini sudah bertapak hampir ke suku abad usianya, iaitu dari tahun 1911. Pada masa itu ianya hanya dikenali sebagai gudang perubatan yang kemudiannya mengalami berbagai perubahan sehinggalah ke saat negara mencapai era kemerdekaan, taraf kesihatan terus-menerus mendapat perhatian.

Memandangkan perkhidmatannya ketika itu serba-serbi dalam kekurangan, para pesakit dari negara ini terpaksa dihantar ke Labuan untuk mendapatkan rawatan selanjutnya. Dalam pada itu beberapa orang pakar kesihatan Labuan juga sering datang ke negara ini memberikan rawatan-rawatan sehinggalah memasuki ke tahun 1921. Tiga tahun kemudian tertubuhlah pula perkhidmatan lawatan luar khusus bagi meneliti pesakit luar bandar dan sehubungan dengan itu pendaftaran beranak dan mati mulai dikuatkuasakan.

## RUMAH SAKIT PERTAMA

Dalam tahun 1928, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia membina sebuah Rumah Sakit yang pertama terletak di Pekan Brunei dan dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddin Ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jammalul Alam. Rumah Sakit pertama itu mengandungi satu wad dengan 18 buah katil, sebuah gudang ubat, sebuah makmal, tiga buah bilik untuk pesakit-pesakit yang mengalami penyakit berjangkit selain ianya digunakan juga bagi pesakit pesakit jiwa. 12 tahun kemudian Rumah Sakit ini diubahsuai dengan menambahkan 60 buah katil, menubuhkan wad bersalin, serta unit pengawalan gigi.

Sehubungan dengan itu pihak Kerajaan terus membina Rumah Sakit bagi Daerah Tutong dan Temburong yang masing-masing berkeupayaan menampung sebanyak enam buah katil. Manakala Daerah Belait pula terdapat sebuah Rumah Sakit kepunyaan Syarikat Minyak British Malayan untuk rawatan pesakit-pesakit syarikat tersebut. Meskipun begitu ianya juga menawarkan rawatan kepada pesakit-pesakit Kerajaan dengan mengenakan kadar bayaran yang rendah. Selain daripada itu berbagai langkah kerjasama telah dilakukan dengan syarikat itu seperti pembersihan alam sekitar, menyusun sistem saluran najis cara moden, serta kerjasama mencegah pembiakan nyamuk, kuman, yang boleh membawa berbagai jenis penyakit.

## PERANG

Akibat perang dalam tahun 1944, Rumah Sakit Pekan Brunei akhirnya musnah, dan sebagai langkah sementara rumah biasa telah dijadikan sebagai rumah sakit sementara. Beberapa bahagian rumah tersebut diubahsuai termasuk melengkapinya dengan bilik bedah serta unit bantuan kecemasan. Sementara ubat-ubatnya adalah bantuan daripada Tentera British yang ketika itu berjaya menawan Tentera Jepun. Hanya Rumah Sakit Syarikat Minyak British Malayan bernasib baik terselamat daripada mengalami kerosakan.

Kesan daripada kemusnahan akibat peperangan tersebut persetujuan untuk membina Rumah Sakit di Pekan Brunei selanjutnya telah dicapai. Serentak dengan itu Kerajaan terus mempergiatkan kerja-kerja pencegahan penyakit dengan menambah bilangan pembantu-pembantu untuk memberikan rawatan ke kawasan luar bandar.

## MENAMBAH

Bertambahnya pesakit-pesakit memerlukan rawatan di setiap daerah, beberapa buah rumah sakit baru telah selesai pembinaannya. Di Daerah Belait, pada tahun 1972 sebuah rumah sakit telah siap dan diberi nama 'Rumah Sakit Suri Seri Begawan'. Di tahun yang sama Daerah Tutong juga mempunyai rumah sakit dengan dikendalikan oleh Pegawai Perubatan. Selain dari rumah sakit tersebut perkhidmatan kesihatan daerah juga banyak mengadakan kegiatan dan kempen bagi mencegah penyakit taun, lumpuh, cacar dan lain-lain. Perkhidmatan Kesihatan ke sekolah-sekolah juga termasuk dalam kempen tersebut.

Rumah Sakit Bandar Seri Begawan tahun demi tahun turut mengalami perubahan sebagai pusat utama bidang perubatan. Memandangkan kepada fungsinya begitu penting, maka bangunannya telah diperbesarkan bagi menampung beberapa unit perkhidmatan baru antaranya Unit Echocardiography, kerongkong, hidung dan telinga.

## SUMBANGAN

Sungguhpun pencapaian di bidang kesihatan negara kita belum begitu meluas, tetapi kita sesungguhnya amat beruntung di atas perhatian yang diberikan oleh Tabung Kecemasan dan Kebajikan Kanak-kanak serta kaum Ibu Antarabangsa dari Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) di mana mereka telah memperkenalkan kepada masyarakat Brunei mengenai penggunaan susu tepung melalui dua orang jururawat yang didatangkan. Kedua jururawat tersebut ketika di negara ini telah melancarkan kursus-kursus bagi ibu-ibu yang mengandung tentang langkah yang perlu diketahui selepas bersalin dan melatih cara-cara memelihara kanak-kanak damit.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga sama memainkan peranan penting sepertimana UNICEF. Pertubuhan tersebut menyumbangkan satu pelancaran kempen suntikan BCG, bertujuan untuk mencegah wabak penyakit 'Batuk Kering' yang ketika itu hampir menjangkau ke tahap membahayakan.

Langkah yang dirintis oleh UNICEF dan WHO itu telah membuka jalan bagi Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan untuk selanjutnya berusaha meningkatkan lagi taraf kesihatan awam dengan mengadakan berbagai projek seperti pembasmian wabak penyakit demam kura (Malaria Eradication Project) selama lima tahun bermula pada tahun 1963 hingga 1968. Untuk projek tersebut saja Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan meluluskan peruntukan sebanyak B$5.5 juta. Dalam tahun 1965 wabak taun telah merebak ke negara ini menyebabkan banyak kedai-kedai perniagaan makanan terpaksa ditutup dan hampir 90 peratus penduduk-penduduk negara ini diberikan suntikan bagi pencegahan penyakit itu daripada merebak ke tempat lain.

Dalam pada itu penduduk-penduduk pedalaman selanjutnya mendapat perhatian melalui perkhidmatan perubatan udara yang diperkenalkan pada tahun 1965 oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Tabib Diraja Dato Dr. P.I. Franks yang juga menjadi Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan pada masa itu. Sistem perkhidmatan udara pada ketika itu mengandungi seorang doktor, bidan, dan jururawat dengan menggunakan helikopter ke kampung-kampung pedalaman setiap minggu.

## ANAK TEMPATAN

Pemerhatian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap kesihatan merangkumi berbagai aspek seperti membina lebih banyak lagi klinik kesihatan dipelingkat mukim dan kampung, mendatangkan banyak pakar-pakar perubatan luar negeri serta menghantar dan melatih anak-anak tempatan mengikuti berbagai latihan bermula pada tahun 1957. Hasil daripada usaha yang diungkayahkan tersebut maka seramai 19 orang pegawai perubatan, dua orang pegawai pergigian, dan 92 orang bidan bertauliah serta termasuk mereka yang berkhidmat dengan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad adalah terdiri daripada anak-anak tempatan.

Akhir tahun enam puluhan dan pertengahan tahun tujuh puluhan, ramai anak-anak tempatan dari negara ini berjaya memperolehi berbagai bidang kelulusan kedoktoran dan seterusnya ditempatkan ke berbagai bidang bahagian-bahagian rumah sakit. Kebolehan mereka bukan saja hanya sekadar merawat ataupun memeriksa pesakit-pesakit akan tetapi juga berkewibaan mentadbir, sepertimana yang terjadi kepada salah seorang doktor tempatan yang dilantik menjadi Timbalan Pengarah Perubatan dan Kesihatan. Sebelum itu beliau adalah merupakan anak tempatan yang pertama menyandang jawatan Pegawai Perubatan dan Kesihatan. Selepas itu beliau diberi kepercayaan memegang jawatan Pengarah Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan. Sementara Timbalan Pengarahnya juga terdiri dari anak tempatan.

Perubatan dan kejayaan yang dicapai dari setahun ke setahun telah berjaya menyerapkan kebolehan anak-anak tempatan menduduki jawatan terpenting di bidang kesihatan. Ke arah menjaminkan taraf kesihatan rakyat sebuah rumah sakit baru di Kiulap telah siap pembinaannya dan mulai digunakan. Dengan terdirinya rumah sakit itu ianya akan mempertinggikan lagi ilmu perubatan yang semata-mata bertujuan untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.





Di Bahagian Pesakit Luar (Out-patients), kelihatan orang ramai sedang menunggu giliran untuk dipanggil menerima rawatan (atas).

JETI yang khusus dibina bagi kemudahan orang ramai yang datang atau pergi dengan menggunakan motobot (kanan).

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, putera sulung kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada pagi Jumaat, 17 Ogos lalu, telah berkenan menyempurnakan pembukaan rasmi Kilang Penapis Minyak Brunei yang baru di Seria.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di Bangunan Pentadbiran Kilang Penapis telah dialu-alukan oleh Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Dato Seri Paduka Awang Peter Everett dan diserikan dengan pukulan hadrah dari pasukan hadrah Daerah Belait. Sementara anak-anak kakitangan Syarikat mengalu-alukan keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dengan kibaran bendera negara.

Selepas upacara perasmian, Yang Teramat Mulia kemudiannya dijunjung ke Bilik Ceramah bagi penerangan mengenai operasi kilang oleh Penguasa Kilang Penapis Minyak, Awang Hamdillah bin Haji Abd. Wahab. Terdahulu dari itu, Yang Teramat Mulia dipersembahkan dengan dua cenderamata, yang berupa topi keledar logam yang dibentuk khas dengan ukiran keaslian Brunei dan satu cenderamata hasil kerjatangan pelatih-pelatih dari BLNG.

Upacara pagi itu diteruskan lagi dengan menjunjung Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah ke Bangunan Kawalan bagi penekanan punat, bagi memulakan campuran adunan minyak 'Gred Premium' dan kemudiannya diikuti dengan penekanan punat bagi menghidupkan Jentera Pengepam Air Kebakaran.

Di upacara itu, Yang Teramat Mulia diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Wadood dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Kawi.

Kilang Penapis Minyak Brunei adalah antara perkembangan baru yang dapat kita saksikan di Brunei Shell hari ini. Pembinaannya adalah bagi menggantikan kilang penapis lama yang telah mengeluarkan hasil semenjak tahun 1954. Dengan penapisan sebanyak 10,000 tong minyak sehari, kilang baru itu akan mencukupi keperluan negara dalam minyak regular dan supershell, jet-fuel dan diesel.

Brunei Shell sekarang mengeluarkan sebanyak 180,000 tong minyak mentah sehari. Empat peratus darinya ditapis di kilang penapis di sini, sementara yang selebihnya 96 peratus diekspot ke negara asing.



# KILANG PENAPIS MINYAK DIBUKA



PENGUASA Kilang Penapis Minyak, Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Awang Hamdillah menerangkan kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah sebelum Yang Teramat Mulia dijunjung menekan punat bagi memulakan campuran adunan minyak 'Gred Premium' dilaksanakan.



GAMBAR atas kelihatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dengan diiringi oleh Penguasa Kilang Penapis Minyak Awang Hamdillah dan para jemputan khas sedang menuju ke stesen Jentera Pengepam Air Kebakaran.

YANG Teramat Mulia ketika menekan punat bagi menghidupkan Jentera Pengepam Air Kebakaran (atas kanan) dan serentak dengan itu 'foam' atau buih putih jatuh memenuhi ke persekitaran kawasan tempat mengisi minyak ke dalam tanker seperti kelihatan dalam gambar bawah.

INILAH Kilang Penapis Minyak yang telah dirasmikan itu (kanan).









# ASMI

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah menerima persembahan cenderamata yang berupa topi keledar logam dari Pengarah Urusan (atas) dan gambar atas kiri, kelihatan Yang Teramat Mulia dan lain-lain kerabat Diraja serta jemputan khas mendengarkan penerangan mengenai dengan kilang tersebut.



SEJURUS sebelum menjunjung Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah merasmikan kilang tersebut, Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Dato Seri Paduka Awang Peter Everett telah menyembahkan ucapan alu-aluan (gambar atas), sementara bawah pula kelihatan Yang Teramat Mulia sedang mendengar penerangan Penguasa Kilang Penapis Minyak, Awang Hamdillah mengenai Jentera Pengepam Air Kebakaran sebelum Yang Teramat Mulia itu dijunjung menekan punat untuk menghidupkan jentera tersebut.





# RTB Intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# PERTANIAN

DISEBUT sahaja pertanian, pendengar sudahpun tahu bahawa itu adalah urusan perkebunan. Jika diamat-amati jurusan ini sudah tidak asing lagi pada kita. Sama ada kita itu petani atau peladang yang mengerjakan perkebunannya sepenuh masa ataupun sebaliknya.

Pendeknya setiap hari petani, peladang atau suri-suri rumahtangga atau sesiapa sahaja yang ada minat dalam jurusan ini sedikit sebanyak akan cuba-cuba mengusahakan perkebunan masing-masing.

Umpamanya suri-suri rumahtangga, tidak pun banyak, mungkin golongan ini ada mengusahakan bunga-bungaan hidup, tanaman kecil-kecilan di kawasan rumah. Jika ditimbang bukan sahaja bunga-bungaan hidup itu untuk jualan, malahan ianya amat berguna untuk mencantikkan kawasan rumah awda sediri.

Apa yang pihak radio surutkan dalam perbicaraan ini ialah radio akan sentiasa memberikan bimbingan kepada mereka yang berminat dalam lapangan ini. Dalam mana radio telah pun menyediakan rancangan khas untuk para tani ini dan beberapa perkara pokok yang berkaitan dengannya. Rancangan itu radio namakan "Rancangan Pertanian."

Kepada awda yang berminat dalam rancangan ini bolehlah mengikuti siarannya pada setiap kali rancangan ini dikeudarakan.

Radio amat merasakan bahawa rancangan yang cuma memakan masa setengah jam dalam putaran mingguannya ini adalah amat terbatas. Namun demikian, jika ianya diberikan penuh perhatian yang sesungguhnya, maka besar kemungkinan rancangan ini akan dapat memberikan kemanfaatannya kepada pihak yang berkenaan, khususnya kepada para tani di tanahair kita ini.

Memang, jika ditimbang-timbangkan radio akan sentiasa memberikan khidmat baktinya kepada masyarakat di negara kita ini. Tinggal lagi penglibatan masyarakat kita amat perlu pula dikesankan. Agar setiap rancangan-rancangan yang dikeudarakan itu tidak akan mengalami keciciranya.

Contohnya Rancangan Pertanian ini. Dalam rancangan ini radio akan sentiasa membawa alam pendengar dalam beberapa hal yang berhubung dengan pertanian.

Umpamanya bagaimana cara-cara bertanam sikoi yang baik. Di musim-musim apa sesuatu tânaman yang hendak kita tanam itu perlu disemaikan atau dicambahkan untuk mendapat kesuburannya, dan bermacam-macam lagi kaedah atau cara yang sering diutarakan oleh radio dalam rancangan ini.

Apa yang pihak radio harapkan, biarlah apa juga bentuk rancangan yang dikeudarakan oleh radio itu, sama ada yang disukai atau tidak berikanlah pendapat dan komennya. Agar dengan jalan ini radio akan dapat mencari di mana sumbing-sumbingnya di setiap rancangan itu, dan radio akan dapat memperbaiki dan memperkemaskinikan lagi dari yang sedia ada.

Bak kata orang, gading mana yang tidak retak, bumi mana jua yang tidak ditimpa hujan. Begitulah juga dengan perkhidmatan radio dalam melayani selera pendengar ini.

Kerana itu radio amat mengalu-alukan nada suara dan sumbangan orang ramai dalam memantuni dan sama-sama mempertinggikan lagi isi-isi rancangan yang diperlukan oleh pendengar dalam segenap lapisan masyarakat untuk pembangunan negara kita.

## *Sandiwara Radio:*

# *"Bedok Berbunyi Gendang Dipalu"*

SANDIWARA Radio Minggu Ini berjudul "BEDOK BERBUNYI GENDANG DIPALU," hasil karya Sani A. B. Brunei.

Penulis menampakkan perbezaan cara hidup di antara di kota dan di desa. Pak Sudin dan isterinya Mak Murni yang pada mulanya ingin menukar haluan hidup, mencuba untuk mengharunginya di kampung setelah puas menghadapi suka duka di kota. Tapi keinginan mereka itu tidak bertahan lama bilamana mereka terpaksa berpindah lagi ke bandar kerana desakan dari Bibah anak mereka.

Rupa-rupanya kelakuan Bibah di kota sangat bertentangan dengan kehendak kedua ibu bapanya. Ia ternyata sangat bebas pergaulannya di luar rumah, sehinggakan ia jarang berada di rumah kerana sering keluar bersama Harun.

Kedua orang tua Harun juga sangat risau dengan telatah Harun itu. Mereka khuatir Harun akan melupakan batas-batas tatasusila seorang anak Melayu yang bersopan. Sebagai seorang yang berpelajaran tinggi, Harun pada mulanya tidak mengindahkan segala teguran orang tuanya, malahan pelajaran yang ada padanya itu digunakan pula untuk menentang pendapat mereka.

Sebelum terjadi sesuatu yang tidak diingini, Pak Dolah pun bertindak dengan tegas. Apakah tindakan Pak Dolah itu? Bagaimana pula kesimpulan cerita ini? Siaran rancangan ini akan dapat diikuti pada 2 September, 1984 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Zainab Hj. Mohd. Taha.

# MUTIKA 1984 PERINGKAT SEPARUH AKHIR

## RANCANGAN PERTAMA



Md Muneer



Ak Hidup



Dayang Rosinah



Suaidy



Pg Salleh



Mohammad Hj Metussin



Zainab



Mat Jait

**SERAMAI 32 orang peserta telah berjaya memasuki Pertandingan MUTIKA 1984 Peringkat Separuh Akhir Negara yang telah diadakan di Dewan Raya RTB baru-baru ini. Rakaman-rakaman pertandingan tersebut akan ditayangkan bulan depan. Rakaman pertama akan ditayangkan pada hari Sabtu 1 September mulai jam 8.35 malam.**

**Lapan orang peserta akan dapat awda ikuti dalam rakaman pertama itu. Mereka ialah Ak Hidup bin Pg Umar, Md Muneer bin Haji Md Salleh, Dayang Rosinah binti Rosli, Suaidy bin Trokie, Mat Jait bin Sidek, Zainab binti Ibrahim, Mohammad bin Haji Metussin dan Pengiran Salleh bin Pg Ismail.**

# DRAMA DARI NOVEL — rancangan baru untuk pelajar

BEGITU air terus mengalir, begitulah juga khidmat Bahagian Melayu Radio Brunei berterusan kepada masyarakat baik kepada yang tua mahupun muda dan tidak ketinggalan kepada golongan kanak-kanak. Dalam pada itu khidmatnya terus diketengahkan pula ke sudut untuk pelajar dengan membantu kepada mereka di Menengah Empat dan Lima utamanya kepada mereka yang akan menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Singapura Aliran Melayu di bulan Novemer nanti iaitu dengan mengudarakan sepuluh siri drama yang dipilih dari salah sebuah novel yang pernah mereka pelajari.

Apa yang diharapkan dengan keudaranya DRAMA DARI NOVEL MAIL MAU KAWIN itu nanti sedikit sebanyak dapatlah membantu kepada pelajar-pelajar tersebut bagi memahamkan isi kandungan sebuah novel melalui bentuk drama atau lakonan. Novel Mail Mau Kahwin karya Mas yang diterbitkan oleh Pustaka Nasional dijadikan skrip drama radio oleh Nurfaizal Reza yang akan ke udara pada hari Kham's 30 Ogos jam 4.00 petang dan akan diulang siarannya pada hari Ahad 2 September, jam 9.00 malam.

Rancangan Drama Dari Novel diterbitkan oleh Haji Abdullah Awang Damit.



**INILAH di antara pelakon-pelakon radio untuk rancangan DRAMA DARI NOVEL 'Mail Mau Kawin' iaitu sebuah rancangan baru khas untuk pelajar yang akan mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Singapura Aliran Melayu tahun ini.**

**Dari kiri kelihatan: Belawan Padan, Ghazali Abdul Hakim, Huzaini Haji Hamzah, Maimon Abu Bakar, Zainab Haji Mohd Taha, Jainah Haji Othman dan Hasnan Suhaili.**



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini menampilkan pendengar kita kali ini iaitu Awang Mohd Yassin Jali di alamat No. 29 Kampong Pekan Lama, Negara Brunei Darussalam.

Awang Mohd Yassin akan bersama awda semua pada hari Selasa, 4 September jam 4.00 petang.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 29 OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FRAGGLE ROCK
4.55 INSPECTOR GADGET
5.20 DIFFERENT STROKES
5.45 WILD KINGDOM: "Voyage To Raza"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILD KINGDOM — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL: "Prisms"
Seorang seniwati kembali ke dunia pentas setelah menghilang diri selama 20 tahun. Seorang bekas pesakit otak yang telah sembuh kembali semula dengan isterinya dan Mark merasa hairan mengapa kawan-kawannya menyingkirkan diri mereka darinya.
7.44 AZAN ISYAK
7.47 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 ARE YOU BEING SERVED:
9.35 THE MISSISSIPPI: "Mardi Gras"
10.25 TAYANGAN GAMBAR: "The War Between Men And Women"
Biarpun sifatnya membenci wanita dan kanak-kanak, tetapi penulis/kartunis ini menyintai seorang janda yang mempunyai tiga orang anak. Pelakon-pelakon: Jack Lemmon, Barbara Harris, Jason Robards, Herb Edelman, dan lain-lain.
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 30 OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 PACMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 AGAINST THE ODDS
6.15 WONDERS OF THE WORLD: "Paradise In Bali"
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 WONDERS OF THE WORLD — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CUTTER TO HOUSTON: "The Very Best Of Friend"
7.44 AZAN ISYAK
7.47 CUTTER TO HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 HAWAII FIVE O: "Good Help Is Hard To Find"
10.25 MAN ABOUT THE HOUSE
10.50 SPORTS PROGRAMME
11.50 SIARAN TAMAT.



TERRY Scott dan June Whitfield adalah pelakon-pelakon utama dalam siri rancangan Terry dan June disiarkan pada hari Jumaat jam 10.05 malam.

## HARI JUMAAT 31 OGOS

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.

PETANG

1.25 JACQUES COUSTEAU'S ODYSSEY: "Lost Relics Of The Sea"
2.10 CRUSADER RABBIT: 'Sahara You'
3.00 RICHIE RICH
3.25 WEBSTER
3.43 AZAN ASAR
3.46 WEBSTER — sambungan
4.00 MILLER'S COURT: "Tears For A Killer"
4.30 YOU ASKED FOR IT
4.55 SCIENCE WORKSHOP
5.15 MIANI MIATU
5.45 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BLUE THUNDER: "Payload"
7.44 AZAN ISYAK
7.47 BLUE THUNDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN.
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 KNOTS LANDING: "People Versus Gary Ewing"
10.05 TERRY AND JUNE: "Disco Fever"
10.35 MIKE HAMMER: "More Than Murder" Bhg. I
11.25 GLEN CAMPBELL
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 1 SEPTEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 MARINE BOY: "Monster of The Deep"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILD AUSTRALIA: "Above The Gorge"
6.30 JUST OUR LUCK: "No Holes Barred"
6.30 AZAN MAGHRIB
6.40 JUST OUR LUCK — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER: "Ring Of Fire"
7.42 AZAN ISYAK
7.45 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MUTIKA SEPARUH AKHIR Bhg. I
9.35 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Jalal Kahwin Lagi"
11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "River of No Return"
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 2 SEPTEMBER

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 PINK PANTHER INSPECTOR
2.45 THE JEFFERSONS
3.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.41 AZAN ASAR
3.44 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.10 LOVE BOAT
5.05 RONDO: "The Singing Wire"
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE WORLD WE SHARE: "Montague Island"
6.25 BENSON
6.30 AZAN MAGHRIB
6.30 BENSON — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON: "Fly The Alibi Skies"
7.42 AZAN ISYAK
7.45 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI DEWAN RAYA
9.20 JAPAN, PLACES AND PEOPLE: "The Ariake Tideland"
9.50 THE TWO RONNIES
10.40 REILLY: ACE OF SPIES "The Visiting Fireman"
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 3 SEPTEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE BISKITTS
5.00 SUPERFRIENDS
5.30 THE POSEIDON FILES: "Scuba 3467" Bhg. I
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.30 AZAN MAGHRIB
6.40 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FALCON CREST: "Win Place And Show"
7.42 AZAN ISYAK
7.45 FALCON CREST — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 THE WORLD OF ISLAM: (ulangan) 'Islamic Knowledge'
9.35 WRESTLING
10.50 LACE Bhg 3.
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 4 SEPTEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ARCHIES TV FUNNIES
5.00 WORLD OF SURVIVAL: "Birds Of Ill Omen"
5.30 BUGS BUNNY SHOW
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA: "Road To Happiness"
6.30 AZAN MAGHRIB
6.40 NOVA — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY: "Hollywood Shorties"
7.42 AZAN ISYAK
7.45 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.15 THE YELLOW ROSE: "Moving Targets"
10.05 TAYANGAN GAMBAR: "Your Place Or Mine"
11.35 QUINCY JONES — REFLECTION
12.05 SIARAN TAMAT.

# SUKAN PELITA

Kelolaan: Manaf Rahman

## Sepak takraw:

# PASUKAN KITA BERAZAM MEREBUT PIALA BORNEO

MASA hanya tinggal tiga minggu. Tidak terdengar riuh rendah skuad takraw negara dalam menghadapi kejohanan sepak takraw tiga wilayah, yang akan berlangsung 21 hingga 23 September ini.

Secara senyap skuad pelatih 16 orang bertungkus lumus menjalani latihan setiap hari. Meskipun menghadapi kesukaran dan masalah dalam mencari tempat berlatih semuanya disembunyikan dengan senyum dan ketawa mereka.

Kegigihan skuad pelatih takraw negara dalam menanti kejohanan ini jelas membayangkan keghairahan untuk merebut Piala Borneo.

Kejohanan ini nanti setentunya menjadi jaminan dan titik tolak takraw negara bagi membuktikan keunggulan dan peningkatan takraw di negara ini.

Yang sering kita dengar kehebatan dan pencapaian mereka ialah dalam penyertaan kejohanan antarabangsa luar negeri saja. Jadi kejohanan ini di mana negara Brunei menjadi tuan rumah adalah peluang yang baik bagi pasukan kebangsaan negara untuk 'menayangkan' sejauh mana hebatnya takraw negara dan mutu pencapaian kita.

Jika kita gagal di hadapan penyokong sendiri dengan cara yang kurang menyenangkan pasti akan memberikan tamparan dan kesan yang buruk terhadap perkembangan takraw dan sekali gus kepada tampuk pimpinan Pestabaru.

Dalam menurunkan pelatih kali ini, Pestabaru mengambil langkah yang berani tapi 'baik' dan mengemukakan beberapa muka baru bergandingan dengan pemain regular dan berpengalaman bagi meniti dan meraih kejayaan.

Mendedahkan bakat baru dalam kejohanan seumpama ini adalah inisiatif yang dipuji. Sekurang-kurangnya mereka akan dapat merasakan suasana bermain di peringkat yang mencabar secara perlahan-lahan.

'Sentuhan pertama' bermain di peringkat ini setentunya sedikit sebanyak memberi tekanan kepada mereka. Tapi bilakah masanya lagi mereka akan diberi kepercayaan untuk membuktikan kebolehan masing-masing.

Setentunya para peminat tidak boleh menjangkakan yang berlebihan dari mereka. Berikan masa dan peluang serta pendedahan yang cukup. Bimbingan dan latihan yang sempurna. Tentunya dalam jangka masa yang tertentu takraw negara tidak akan kering kontang dengan pemain-pemain serta pasukan yang gagah.

Setakat ini tidak nampak 'canggung' muka baru bergaul dengan pemain senior dan regular. Suasana harmoni sentiasa menyelubungi khemah skuad pelatih takraw Piala Borneo ini.

Yang mungkin difikirkan ialah kesemuanya ingin menjadi pemain utama negara ke kejohanan tersebut. Kedudukan selaku regu utama, kedua dan ketiga belum dipastikan. Tapi yang pasti semua harus berjuang untuk merebut tempat.

Tidak ada tolak ansur. Siapa gagah, berkebolehan, mempunyai ketahanan dan semangat berjuang pasti terpilih untuk menempatkan negara juara kejohanan ini.



MENTERI Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan, Y.A.M. Pengiran Laila Kanun Diraja Pg. Bahrin selaku tetamu kehormat turut serta menghabiskan perjalanan sejauh lapan batu dalam perlumbaan tersebut.

## Badan Kebajikan Sukan Telekom anjur lumba jalan kaki

BERBAGAI usaha telah dilakukan pada membantu mereka yang tidak berkeupayaan di negara ini. Perasaan mengasihi, tolong-menolong pada yang lemah dan tidak berdaya tidak pernah luput dari sanubari orang-orang Brunei.

Perasaan 'mengelinga' dan 'memaduli' adalah sifat warisan yang turun-temurun di dalam diri setiap rakyat dan penduduk Brunei yang tidak akan pernah luntur dan kering dengan perubahan zaman.

Sehingga sekarang pun perasaan itu semakin menebal. Satu lepas satu berbagai langkah dilaksnakan bagi bantuan berbagai tabung bantuan di negara ini.

Pada Ahad lepas, 26 Ogos, Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Telekom mengadakan perlumbaan jalan kaki tajaan yang sematamata bertujuan mengutip derma untuk tabung orang-orang cacat dan anak yatim di negara ini serta untuk kutipan tabung badan tersebut.

Lebih seratus orang mengambil bahagian dalam perlumbaan sejauh lapan batu bermula dari Ibu Pejabat Telekom hingga ke Pantai Tungku.

Menteri Undang-Undang Merangkap Menteri Perhubungan, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin selaku tetamu kehormat mengetuai perlumbaan dan seterusnya menyampaikan hadiah kemenangan.

Turut serta ialah Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, YDM Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien; Timbalan Pengarah Telekom, Awang Abdullah bin Mudim Haji Abu Bakar; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di jabatan-jabatan dalam Kementerian Perhubungan serta kakitangan dan ahli-ahli badan tersebut.

Perlumbaan kali pertama anjuran badan ini yang mendapat sambutan yang baik adalah satu petanda yang sihat ke atas tujuan bantuan kepada tabung-tabung kebajikan di negara ini.

Penerbangan Diraja Brunei yang seringkali memberikan bantuan dan sumbangan sekali lagi memberikan tiket-tiket penerbangan percuma ke Singapura dan Indonesia.



SEBAHAGIAN dari para peserta yang baru memulakan perlumbaan (atas).

PENGARAH Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Hj. Hussien (menoleh) dan Timbalan Pengarah Telekom Awg. Abdullah (depan sekali) turut meluangkan masa menyertai perlumbaan tersebut.



## Menjelang Piala Borneo:

# Skuad Kebangsaan jalani latihan intensif

SEJAK kebelakangan ini tidak banyak yang diperkatakan tentang bola sepak negara. Awan mendung yang menyelubungi hampir meranapkan kepercayaan peminat tempatan setakat mana kita mampu mendaki tahap yang membanggakan.

Jika ditinjau sambutan para peminat boleh dikatakan merosot. Hampir keseluruhan pertandingan dalam negeri siri Piala Malaysia musim lepas semakin jauh kurangnya bilangan yang datang. Kalau pun ada hanya keluhan tidak puas hati terhadap prestasi pasukan kebangsaan saja yang didengar.

Kenapa? Semata-mata pasukan kebangsaan kita merosot jauh dari kemampuan mereka yang sebenar.

Kegagalan di siri Piala Malaysia adalah tajuk yang paling hangat diperbincangkan. Bukan saja dikesalkan terhadap terbantutnya perjalanan kesuku akhir seperti sebelumnya malah yang 'membuihkan' mulut para peminat adalah terhadap performance pasukan negara yang jauh menurun.

Di mana salahnya. Setentunya tidak seratus peratus di serahkan kepada pemain atau sepenuhnya kepada jurulatih.

Latar belakang kemunduran bola sepak negara sekarang patut diberikan perhatian serius. Kita baru berada di tahap yang mencabar dalam setahun dua dan kini hanya tinggal bayangan saja.

Apakah ada suatu pergolakan dalam bumbung pentadbiran bola sepak negara terutama indunganya BAFA.

Dan apa pula reaksi BAFA selaku peneraju kemajuan bola sepak negara?

Mungkin kejohanan Piala Borneo yang akan berlangsung 21 hingga 23 September ini langkah pertama untuk mengembalikan kegemilangan yang pernah dicapai.

Jurulatih pasukan kebangsaan sekarang, Awang Danny Baggara menghadapi beban yang berat untuk dilaksanakan. Sejak mengambil alih kepimpinan, beliau dikatakan gagal untuk membentuk satu pasukan yang mantap, berkeupayaan dan bersefahaman.

Kejohanan tiga wilayah ini mungkin peluang yang baik untuk beliau meneraju dan membentuk satu pasukan yang kuat bagi menerima kepercayaan yang baik dari para peminat tempatan.

Skuad Piala Borneo seramai 30 orang kini sedang menjalani latihan peringkat awalnya. Adalah difahamkan bilangan akan dikurangkan kepada yang sepatutnya menjelang skuad ini menjalankan latihan intensif awal September depan.

# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

## PEGAWAI BERTAULIAH JANGKA PENDEK TENTERA UDARA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI mempelawa pemuda-pemuda Negara Brunei Darussalam untuk memasuki satu kerjaya yang mencabar lagi mulia sebagai Pegawai Bertauliah Jangka Pendek Juruterbang di dalam Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Tentera Udara ini sedang bekembang dan memerlukan anak-anak muda untuk dilatih sebagai juruterbang.

2. Angkatan ini percaya Awang-Awang bersedia untuk menerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai akan diadakan akhir bulan November 1984. Awang-Awang mestilah menghantar permohonan Awang-Awang kepada Pemerintah, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garison dan sampai tidak lewat dari hari Khamis 4 Oktober, 1984.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut :

a. Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada orang-orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

b. Jika Awang-Awang bukan dari kaum jati puak-puak tersebut, Awang mestilah berugama Islam dan mensesuaikan diri Awang dengan adat resam orang-orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan taaf kebangsaan.

c. Berkelulusan pelajaran GCE peringkat 'O' di dalam Bahasa Inggeris (kelulusan 8 adalah diterima), Ilmu Hisab dan satu mata pelajaran Sains (kredit 6 ke atas). Calon-calon yang mempunyai kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberikan keutamaan.

d. Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur antara $17\frac{1}{2}$ hingga 25 tahun pada 14 Januari, 1985.

e. Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.

f. Lulus pemeriksaan kesihatan tentera.

3. Jika Awang terpilih sebagai calon Pegawai Bertauliah Jangka Pendek Juruterbang, Awang akan menjalani latihan asas tentera tidak kurang selama 8 minggu di Pusat Latihan, Perkhemahan Bolkiah dan diikuti dengan kursus Pegawai Kadet di Maktab Tentera Diraja Cranwell, United Kingdom. Setelah tamat dan lulus berkursus Awang akan menerima tauliah sebagai Leftenan Muda di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Latihan asas penerbangan dijalankan di Negara Brunei Darussalam.

4. Borang-borang permohonan serta penerangan lanjut boleh didapati daripada :

a. Pegawai Pengambilan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Pusat Latihan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkiah
Bandar Seri Begawan
Telefon : 30531 samb. 111 atau 112

b. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Bandaran
Bandar Seri Begawan

c. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Kemasyarakaan
Kuala Belait

d. Pusat Pengambilan ABDB
Bilik Bacaan
Tutong

e. Pejabat Pengambilan ABDB
Bangar
Temburong.

Dan untuk kemudahan-kemudahan perhubungan sila berikan nombor telefon Awang-Awang dalam permohonan Awang-Awang.

## PEGAWAI BERTAULIAH JANGKA PENDEK TENTERA LAUT ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI mempelawa pemuda-pemuda Negara Brunei Darussalam untuk memasuki satu kerjaya yang mencabar lagi mulia sebagai Pegawai Bertauliah Jangka Pendek di dalam Tentera Laut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Tentera Laut ini sedang berkembang dan memerlukan anak-anak muda untuk di latih sebagai pegawai-pegawai tentera laut dalam bidang keahlian seperti jurusan Pegawai Memerintah Kapal.

2. Angkatan ini percaya Awang-Awang bersedia untuk menerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai akan diadakan akhir bulan November 1984. Awang-Awang mestilah menghantar permohonan Awang-Awang kepada Pemerintah, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garison dan sampai tidak lewat dari hari Khamis 4 Oktober, 1984.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut :

a. Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada orang-orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

b. Jika Awang-Awang bukan dari kaum jati puak-puak tersebut, Awang mestilah berugama Islam dan mensesuaikan diri Awang dengan adat resam orang-orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan taaf kebangsaan.

c. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran GCE peringkat 'O' atau kelulusan yang sebanding dengannya dan hendaklah lulus dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab. Calon-calon yang lulus dalam Ilmu Sains dan mata-mata pelajaran yang lain atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.

d. Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur antara $17\frac{1}{2}$ hingga 25 tahun pada 14 Januari, 1985.

e. Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.

3. Jika Awang terpilih sebagai calon Pegawai Bertauliah Jangka Pendek Tentera Laut, Awang akan menjalani latihan asas tentera tidak kurang selama 8 minggu di Pusat Latihan, Perkhemahan Bolkiah dan diikuti dengan kursus Pegawai Kadet di Maktab Tentera Laut Diraja Britannia, Dartmouth di United Kingdom. Setelah tamat berkursus Awang akan menerima tauliah sebagai Leftenan Muda di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

4. Borang-borang permohonan serta penerangan lanjut boleh didapati daripada :

a. Pegawai Pengambilan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Pusat Latihan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkiah
Bandar Seri Begawan
Telefon : 30531 samb. 111 atau 112

b. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Bandaran
Bandar Seri Begawan

c. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Kemasyarakaan
Kuala Belait

d. Pusat Pengambilan ABDB
Bilik Bacaan
Tutong

e. Pejabat Pengambilan ABDB
Bangar
Temburong.

Dan untuk kemudahan-kemudahan perhubungan sila berikan nombor telefon Awang-Awang dalam permohonan Awang-Awang.

## PEGAWAI BERTAULIAH TETAP ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI mempelawa pemuda-pemuda Negara Brunei Darussalam untuk memasuki satu kerjaya yang mencabar lagi mulia sebagai Pegawai Bertauliah Tetap di dalam Angkatan ini. Angkatan ini sedang membesar dan berkehendakan anak-anak muda untuk dilatih sebagai pegawai-pegawai tentera di dalam bidang keahlian seperti jurusan Penerbangan, Pelaut, Logistik, Kejuruteraan dan Elektronik. Jika Awang-Awang berkebolehan dan mempunyai kelayakan-kelayakan akademik yang diperlukan, Angkatan ini akan membantu Awang-Awang untuk dilatih di dalam bidang-bidang tersebut.

2. Angkatan ini percaya Awang-Awang bersedia untuk menerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai akan diadakan akhir bulan November 1984. Awang-Awang mestilah menghantar permohonan Awang-Awang kepada Pemerintah, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garison dan sampai tidak lewat dari hari Khamis 4 Oktober, 1984.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut :

a. Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada orang-orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

b. Jika Awang-Awang bukan dari kaum jati puak-puak tersebut, Awang mestilah berugama Islam dan mensesuaikan diri Awang dengan adat resam orang-orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan taaf kebangsaan.

c. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran GCE peringkat 'O' atau kelulusan sebanding dengannya dan hendaklah lulus dalam Bahasa Inggeris, kelulusan dalam Ilmu Hisab dan mata-mata pelajaran sain yang lain atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.

d. Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur antara $17\frac{1}{2}$ hingga 25 tahun pada 14 Jtnuari, 1985.

e. Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.

3. Jika Awang terpilih sebagai calon Pegawai Kadet, Awang akan menjalani latihan asas tentera selama 6 ke 9 bulan di Pusat Latihan, Perkhemahan Bolkiah. Tertakluk kepada lulusnya Awang dalam latihan tersebut Awang akan dihantar ke seberang laut untuk menjalani kursus Pegawai Kadet. Setelah tamat dan lulus berkursus Awang akan menerima tauliah sebagai Leftenan Muda di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

4. Borang-borang permohonan serta penerangan lanjut boleh didapati daripada :

a. Pegawai Pengambilan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Pusat Latihan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkiah
Bandar Seri Begawan
Telefon : 30531 samb. 111 atau 112

b. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Bandaran
Bandar Seri Begawan

c. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Kemasyarakaan
Kuala Belait

d. Pusat Pengambilan ABDB
Bilik Bacaan
Tutong

e. Pejabat Pengambilan ABDB
Bangar
Temburong.

Dan untuk kemudahan-kemudahan perhubungan sila berikan nombor telefon Awang-Awang dalam permohonan Awang-Awang.



DATO Seri Paduka Peter Everett menyampaikan hadiah pertama kepada wakil pasukan Sekolah Melayu Panaga (atas). Sementara gambar bawah menunjukkan ketika pertandingan itu sedang berjalan — Gambar ihsan BSP.



## TAJA PROJEK:

# Dekatkan syarikat dengan masyarakat

SERIA. — Syarikat Brunei Shell akan meneruskan projek-projek tajaannya dalam usaha ke arah mendekatkan diri syarikat itu dengan masyarakatnya.

Pengarah Urusan, Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Dato Seri Paduka Peter Everett berkata, diberi perhatian utama ialah bidang pembelajaran rakyat, yang mana syarikat itu sejak beberapa tahun kebelakangan, telah memberi dermasiswa kepada rakyat negara ini untuk melanjutkan pengajian tinggi mereka di luar negeri.

Perkara itu dibuat, jelasnya, adalah dengan harapan yang mereka berkenaan itu kelak akan dapat mencurahkan khidmat cemerlang mereka dengan syarikat tersebut demi kepentingan Negara Brunei Darussalam.

Berucap ketika merasmikan Pertandingan Lalulintas Brunei Shell baru-baru ini, Pengarah Urusan syarikat itu seterusnya berharap agar pertandingan itu dapat memberi serba sedikit pimpinan dan pengajaran kepada kanak-kanak terhadap cara-cara penggunaan jalan raya dengan betul dan teratur.

Bagaimanapun, tambahnya, tanpa kerjasama dari banyak pihak yang terlibat, tajaan yang dilaksanakan oleh syarikat itu tidak akan berjalan lancar.

Pertandingan Lalulintas Shell Brunei peringkat Daerah Belait tahun ini diadakan di Taman Permainan Lalulintas Brunei Shell, yang pertama didirikan di negara ini oleh syarikat tersebut.

Menyentuh mengenai taman itu, adalah juga dihasratkan akan dibina di daerah lain di negara ini, demi kemudahan permainan-permainan seperti itu diadakan bukan sahaja setahun sekali, bahkan juga terbuka kepada penggunaan semua sekolah.

"Bagi daerah-daerah lain pula, adalah menjadi hasrat Syarikat Minyak Shell Brunei bahawa taman seperti ini akan juga didirikan pada masa akan datang."

Juga menyampaikan ucapan alu-aluannya ialah Pengerusi Pertandingan, Pengiran Ali Hassan bin DSLJ Pengiran Haji Abas, Penolong Pegawai Daerah Belait.

Sebanyak sepuluh buah sekolah telah menyertai pertandingan hari itu. Johan pertandingan ialah Sekolah Melayu Panaga (R), sementara naib-johan ialah Sekolah Misi St. Michael's dan Sekolah Misi St. John's menduduki tempat ketiga.

Penyampaian hadiah kepada pemenang telah dilakukan oleh Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Dato Seri Paduka Peter Everett. Johan dan naib-johan pertandingan akan mewakili Daerah Belait ke pertandingan peringkat negara, yang akan diadakan dalam bulan Oktober depan.

# Platun 4 juara menembak Skuadron Kereta Perisai

TUTONG. — Skuadron Kereta-Kereta Perisai Peninjau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah mengadakan pertandingan Latihan menembak tahunan di antara platun pada Khamis lepas bertempat di Padang Tembak Binturan Tutong.

Pertandingan tersebut bertujuan untuk meningkatkan mutu kecekapan menembak dan menguji kebolehan menembak menuju sasaran serta mengawal tembakan. Di samping itu, pertandingan itu juga berhasrat untuk menguji kecekapan ketua-ketua platun dan para pemandu kereta-kereta perisai.

Pemenang pada tahun ini dengan menerima hadiah rebutan terbaik disandang oleh platun 4 yang diketuai oleh Lt. Pg. Muhammad bin Pengiran Muhidi. Hadiah FMR keseluruhan terbaik dimenangi oleh platun 1.

Dalam bahagian Tembakan Sasaran Mengejut, pemenang pertama jatuh kepada platun 4 dengan mengutip 10,225 mata, tempat kedua disandang oleh platun 2 dengan mengutip 10,215 mata. Bahagian 'Falling Plate' dimenangi oleh Pelatun 2 dengan catatan masa 65 saat.

Pemenang menembak bahagian GPMG disandang oleh platun 3 dengan mengutip 605 mata, manakala bahagian menembak FMR tempat pertama dimenangi oleh T11C platun 1, kedua T14C Platun 4 dan ketiga T12 Platun 2.

Hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Sulaiman bin Awang Haji Damit. Terdahulu sebelum itu ucapan ringkas telah disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Skuadron Kereta-Kereta Perisai Peninjau, Mejar Othman bin Haji Hasbullah. Seramai 48 orang anggota-anggota skuadron tersebut telah mengambil bahagian dengan menggunakan kereta-kereta perisai jenis 'Scorpion'.



PLATUN 4 juara menembak kereta-kereta perisai tahun ini yang diketuai oleh Lt. Pengiran Muhammad bin Pengiran Muhidi bergambar ramai dengan hadiah-hadiah kemenangan mereka.

# 200 lukisan terpilih

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sebanyak 200 dari kira-kira 4,500 kepingan lukisan Peraduan Melukis Bagi Kanak-kanak telah terpilih menyertai penghakiman kedua, sebelum pemilihan akhir dilakukan akhir bulan ini.

Peraduan Melukis Bagi Kanak-kanak tahun ini bertemakan BRUNEIKU — MERDEKA DAN BERDAULAT' dan dianjurkan oleh Brunei Shell dengan kerjasama Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

Lukisan-lukisan yang dipertandingkan diterima dari kanak-kanak sekolah-sekolah di seluruh negara di dalam berbagai aspek yang berkaitan dengan Perayaan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, seperti perbarisan, perarakan, pertunjukan kesenian dan kebudayaan, pesta-pesta, hiasan bangunan dan ristaan sejarah serta lawatan orang-orang kenamaan dari negara asing, pertunjukan bunga api dan sebagainya.

# Penyampaian hadiah Peraduan Menulis Cerita Kanak-kanak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Peraduan Menulis Cerita Kanak-Kanak Melalui Kesan Bunyi anjuran European Broadcasting Union — EBU di bawah kelolaan bersama di peringkat negeri oleh Bahagian Radio, Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Bahagian TV Pendidikan, Jabatan Pelajaran Brunei akan diadakan di Dewan Raya RTB pada hari Sabtu 1 September, 1984. Penyampaian hadiah itu akan dilakukan oleh Pengerusi Dewan Perniagaan Tiong Hwa, Awang Lim Eng Ming selaku pihak penjaja peraduan.

Peraduan itu telah dibuka kepada kanak-kanak di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara yang berumur di antara 7 hingga 12 tahun dan peraduan ini telah dijalankan secara berperingkat-peringkat sejak bulan Mac dan penghakiman dilakukan pada awal bulan Jun 1984.

Seramai 90 orang murid dari sekolah-sekolah rendah seluruh negara telah menghantar karangan mereka bagi mewakili sekolah masing-masing di peringkat kebangsaan. Sepuluh darinya telah di umumkan sebagai pemenang cerita terbaik di peringkat kebangsaan.

Mereka yang memenangi peraduan itu ialah Awang Mohd. Zefri bin Besar, S.M. Sengkurong, Brunei; Dayang Sheryl Sundai, Sekolah St. Angela's Convent, Seria; Dayang Rosnani Mohammad, Sekolah ABDB Battalion Kedua, Tutong; Dayang Suraini Julaihi, Sekolah Persediaan Inggeris Kuala Belait; Awang Sia Fwu Shii, Sekolah Chung Hwa, Tutong.

Dayang May Faezah binti Ahmad Ariffin, S.M. Pusar Ulak, Brunei; Doh Siah Sze, S.M. Abd Rashid Tanjong Maya, Tutong; Dayang Maryantie Omar, Sekolah Persediaan Inggeris, Kuala Belait; Han Khim Siew, Sekolah P.G.G.M.B dan Kok Boon Chu, Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

Dari muka 5

*pada jalan orang-orang yang engkau tunjuki."*

Kalau dijumlahkan kesemuanya, ada 35 kali dalam sehari semalam setiap orang yang sembahyang itu meminta hidayah kepada Allah Taala, 17 kali diwajibkan, kerana ia terkandung dalam Fatihah dan 18 kali disunatkan, kerana ia terkandung dalam bacaan yang sunat.

Kita simpulkan daripada penjelasan ringkas ini, bahawa manusia itu ada yang jahat dan sesat serta mati dalam kejahatan dan kesesatannya. Ada juga yang mati dalam keadaan baik dan terpuji dan ada juga yang berkeadaan sebaliknya, setiap perjalanan hidup manusia itu adalah bergantung kepada hidayah yang diterimanya.

Adapun orang yang sudah mendapat hidayah, mestilah menjaga atau memelihara Hidayah yang sudah dimilikinya, sama ada dengan memperbanyakkan amal ibadah mahupun dengan memperbanyakkan doa kepada Allah Taala, mohon hidayah dari-Nya. Ya Allah tunjukilah kami selalu.

## Perubahan tarikh tutup

**ADALAH dimaklumkan bahawa tarikh menghantar borang-borang tawaran yang tersebut di atas kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan Pearce, Bandar Seri Begawan adalah pada 10 September, 1984 hari Isnin jam 12.00 tengah hari, BUKANNYA pada 6 September, 1984 hari Khamis, jam 4.00 petang.**

**Manakala tarikh penutup mengeluarkan borang berkenaan di Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam ialah 6 September, 1984.**

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.